

BAB IV

BAB IV

AHLI SUNNAH WAL JAMAAH PERLIS DAN HUBUNGAN AJARANNYA DENGAN AJARAN MUHAMMAD IBN ABD AL-WAHHAB

A. PENDAHULUAN

Sebelum penulis membincangkan mengenai Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis dan sejauhmana ada hubungan di antara ajaran mereka dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab yang menjadi salah satu dari perkara-perkara penting dalam tesis ini, terlebih dahulu penulis ingin menjelaskan dahulu beberapa perkara lain yang ada hubungan dan kaitan dengannya. Perkara-perkara yang dimaksudkan itu termasuk mengenai pengertian Ahli Sunnah wal Jamaah pada penggunaan bahasa dan istilah, pengenalan ringkas siapakah sebenarnya yang dikatakan Ahli Sunnah wal Jamaah, bilakah lahirnya istilah tersebut, penjelasan mengenai kumpulan-kumpulan dan golongan mereka, ciri-ciri penting yang mesti ada pada golongan itu. Lepas itu barulah dijelaskan mengenai sejarah kelahiran Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis dan perkembangannya, ajaran-ajaran yang mereka hayati khususnya mengenai perkara akidah. Akhir sekali barulah dijelas dan dibincang mengenai hubungan antara ajaran

Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan ciri-ciri persamaan antara keduanya.

B. PENGENALAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAAH

Sebenarnya sebutan perkataan "Ahli Sunnah Wal Jamaah" selalu kedengaran disebut orang. Rata-rata umat Islam mendakwa mereka adalah pengikut dan golongan Ahli Sunnah wal Jamaah. Mereka akan marah jika ada orang lain mengatakan ketika bukan golongan Ahli Sunnah. Tetapi apabila dikemukakan beberapa soalan kepada mereka seperti soalan, "Apakah sebenarnya Ahli Sunnah wal Jamaah"? Apakah ciri-ciri penting yang ada pada Ahli Sunnah? Dan lain-lain lagi, didapati ramai dari kalangan mereka tidak dapat memberi jawapan tepat dan memuaskan. Bahkan kadang-kadang didapati dari jawapan yang diberi menampakkan kejahilan mereka yang sebenar terhadap perkara itu. Oleh itu di sini penulis akan jelaskan perkara tersebut.

(a) Pengertian Dari Sudut Bahasa

Ungkapan Ahli Sunnah wal Jamaah terdiri dari tiga perkataan; **Ahli** (أَهْل), **Sunnah** (سُنْنَةْ) dan **al-Jamaah** (الجَمَاعَةْ).

Perkataan "**Ahli**" bererti orang yang menganggotai atau mengabungkan diri dalam sesuat pertubuhan, persatuan, golongan dan lain-lain. Selain itu "**Ahli**" juga bererti seseorang yang pakar atau mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam sesuatu bidang.¹ Selain itu, ia kadang-kadang bererti pengikut kepada sesuatu aliran atau fahaman. Seperti Ahli al-Argam, ahli UMNO dan sebagainya. Erti yang terakhir di atas adalah sesuai dengan maksud di sini.

Manakala perkataan "**Sunnah**" dari sudut bahasa bererti jalan atau bawaan hidup sama ada terpuji atau tercela.² Rasulullah pernah menggunakan perkataan Sunnah yang bermaksud di atas dalam sabdanya, bermaksud:³

"Sesiapa yang mengadakan **sunnah** (jalan) yang baik (untuk Islam), maka dicatatkan untuknya pahala dan pahala orang yang melakukannya selepas itu tanpa dikurangkan dari pahala mereka itu sedikitpun dan sesiapa yang mengadakan **sunnah** (jalan) yang jahat, maka dicatatkan dosa kepadanya dan dosa orang yang

-
1. Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, (Edisi Baru), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 12.
 2. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah Qabla al-Tadwin*, Dar al-Fikr, Beirut, 1971, hlm. 14.
 3. Imam Abu Hussin Muslim Al-Nisaburi, *Sahih Muslim*, jid. 2, Dar al-Ifta wa al-Da'wah wa al-Irsyad, Riyadh, 1980M/1400H, hlm. 705.

melakukan selepasnya tanpa dikurangkan sedikitpun dari dosa itu."

Hadith di atas mengguna perkataan **Sunnah** dengan maksud "jalan" atau "cara hidup" sama ada yang baik atau buruk.

Manakala **Sunnah** menurut istilah, ia berbeza mengikut perbezaan bidang ilmu Islam. Mengikut ulama' hadith, **Sunnah** bererti segala perkara yang datang dari nabi s.a.w. samada kata-kata atau ucapannya, perbuatan dan taqrirnya.¹ Atau dengan kata lain **Sunnah** dipanggil juga hadith Rasulullah² yang menjadi salah satu sumber hukum Islam.

Ulama' Fekah menyebut, **Sunnah** adalah perkara sunat, lawan kepada perkara wajib iaitu sesuatu suruhan agama yang jika dikerjakan dapat pahala dan jika ditinggal tidak berdosa. Atau dengan kata lain ia bermaksud sesuatu perintah dan suruhan syarak supaya seseorang mukalaf mengerjakannya, tetapi suruhan itu

-
1. **Taqrir** ialah setiap perkataan atau perbuatan sahabat yang diakui oleh Rasulullah s.a.w. dan tidak dibantah atau dilarangnya.
 2. Dr. Mustafa Sibaii, **Al-Sunnah wa Makanatuha fi Syariah al-Islam**, cet. II, Maktabah Islamiyyah, Damsyik, 1978, hlm. 47.

tidak dalam bentuk wajib, bahkan suruhan yang digalakkkan.¹

Manakala mengikut ulama' usul Fiqh, *Sunnah* bermaksud apa yang datang dari Nabi s.a.w. selain al-Quran sama ada yang *Qauliyyah* (perkataan atau ucapan nabi) atau *Fi'liyyah* (perbuatannya) dan *tagririyyah* (pengakuan atau pengiktirafan) dari Rasulullah s.a.w. yang menjadi dalil kepada hukum syarak.²

Sedangkan perkataan "Jamaah" berasal dari perkataan (جماعة) yang bererti berkumpul atau bergabung antara satu dengan lain.³ *Jamaah* juga bermaksud bilangan yang ramai dari kalangan manusia atau sekumpulan manusia yang bergabung antara satu sama lain dan mempunyai matlamat yang satu.⁴

-
1. Dr. Wahbah al-Zuhaily, *Al-Wasit fi Usul al-Fiqh al-Islami*, jid. 1, cet. 1, Dar al-Fikr, Damsyik, 1986M/1406H., hlm. 77.
 2. Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *op.cit.*, hlm. 16.
 3. Syaykh Ahmad Redha, *Mu'jam Matn al-Lughah Mausu'ah Lughawiyyah Hadithah*, jid. 2, Dar al-Maktabah al-Hayah, Beirut, t.t., hlm. 134.
 4. *Ibid.*, hlm. 135.

Ibn Taimiyyah berkata **Jamaah** bererti berhimpun atau bersatu lawannya berpecah belah.¹

(b) **Pengertian Ahli Sunnah Wal Jamaah Dari Segi Istilah**

Apabila ketiga-tiga perkataan itu disatukan dan dijadikan satu sebutan istilah khas (Ahli Sunnah Wal Jamaah) ia bermaksud orang-orang Islam yang berpegang teguh dengan sunnah Nabi s.a.w. yang mempunyai pandangan tersendiri dalam ilmu usuluddin dan cabang-cabangnya. Mereka juga adalah golongan **salaf** generasi pertama daripada sahabat Rasulullah s.a.w., Tabiin dan pengikut-pengikut mereka.² Atau umat Islam yang menganut ajaran hadith Nabi Muhammad s.a.w.³ atau golongan **salaf** umat Islam yang terdiri dari kalangan sahabat Rasulullah s.a.w., tabi'in dan tabi' al-tabi'in yang membela dan menghayati kebenaran Islam berdasarkan al-Quran dan

-
1. Abd Rahman Ibn Muhammad Ibn Qasim al-'Asimi, **op.cit.**, jid. 3, hlm. 157.
 2. Hassan Hilal al-Arusi, **al-Mausu'ah al-Arabiyyah al-Muyassarah**, Dar al-Nahdah, Lubnan, 1986, hlm. 252.
 3. Teuku Iskandar, **Kamus Dewan**, Edisi Baru, hlm. 13.

Sunnah Rasul.¹ Orang-orang Islam lain yang datang kemudian daripada golongan di atas sedangkan mereka mengikut cara dan minhajnya, maka mereka dikira golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah juga sekalipun bilangan mereka sedikit dan jarak masanya jauh daripada mereka itu.²

Kitab "**Fatawa al-Lujnah al-Daimah**" menyebut Ahli Sunnah wal Jamaah ialah mereka yang mengikut cara kehidupan dan minhaj Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat,³ yang mana akidah mereka, tuturkata dan perbuatan mereka, serta akhlak tingkah laku mereka semuanya mengikut cara Rasulullah s.a.w. dan sahabatnya. Atau dengan kata lain mereka selalu mengikut ajaran al-Quran, Sunnah Rasul dan Sunnah para sahabat tanpa ada takwilan-takwilan yang menyeleweng dan sesat. Mereka tidak mengikut hawa nafsu dan jauh sekali dari mengikut golongan-golongan **Mubtadi'** (yang mereka-reka perkara baru dalam agama). Mereka bukanlah dari golongan

-
1. Muhammad Abdul Hadi al-Masri, **Ahl al-Sunnah wal al-Jamaah Ma'alim al-Intilaq al-Kubra**, cet. 4, Dar Taiyyibah Li al-Nasyr Wa al-Tawzi', Riyadh, 1988M-1409H, hlm. 49.
 2. *Ibid.*
 3. Shaykh Ahmad Ibn Abdul Razzak al-Duwais, **Fatawa al-Lujnah al-Daimah**, jid. 2, Dar al-Ifta' Wa al-Da'wah wal-Irsyad, Riyadh, 1411H., hlm. 156.

Khawarij, Muktazilah, Syiah, Qadariah, Jabariah dan golongan-golongan **Ashab al-Ahwa'** (golongan yang mengikut hawa nafsu) yang lain seperti kumpulan-kumpulan ajaran sesat, batiniah dan lain-lain lagi. Golongan-golongan **Mubtadi'** tersebut di atas bukanlah Ahli Sunnah wal Jamaah, sekalipun masing-masing mendakwa mereka adalah golongan Ahli Sunnah wal Jamaah, bahkan sebenarnya mereka golongan yang menyeleweng dan sesat. Golongan-golongan ini banyak lahir selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Baginda bersabda bermaksud:¹

Benar-benar akan berlaku ke atas umatku apa yang berlaku kepada Bani Israil seperti selipar dengan selipar, sehingga jika ada dikalangan mereka mendatangi ibunya (berzina dengannya) dengan terang-terang , akan ada dikalangan umatku orang yang melakukan demikian dan sesungguhnya Bani Israil berpecah kepada tujuh puluh dua golongan (*millah*) dan umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga golongan (*millah*), semua mereka itu dalam neraka melainkan satu golongan. Para sahabat bertanya, "Siapakah mereka yang satu golongan itu wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Mereka itu ialah golongan yang mengikuti perjalanan hidupku dan (perjalanan hidup) sahabatku."

1. Imam Abu Dawud Sulaiman Ibn al-As'ath al-Sajastani, *Sunan Abi Dawud*, jid. 2,Dar al-Fikr, Beirut, t.t., hlm. 198. Imam Jalaluddin Abd Rahman Ibn Abi Bakr al-Suyuti, *al-Jami' al-Saghir fi Ahadith al-Basyir al-Nazir*, jid. 2, Dar al-Fikr, t.t., hlm. 133.

Hadith ini menjelaskan bahawa Ahli Sunnah wal Jamaah ialah golongan yang menjadikan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda serta ulama-ulama golongan ***Salafus al-salleh*** sebagai pedoman hidup mereka, bukan menjadikan nafsu sebagai pedoman hidup.

Dari definisi di atas jelaslah bahawa Ahli Sunnah wal Jamaah ialah golongan umat Islam yang mana akidah mereka, kata-kata dan perbuatan serta akhlak mereka mengikut cara Nabi s.a.w. juga cara sahabat baginda, mereka mengikut minhaj al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. di samping itu mereka juga mengiltizamkan diri kepada jamaah orang Islam (***Jamaah al-Muslimin***), dan tidak mengikut golongan-golongan yang menyeleweng dan sesat.¹ Golongan Ahli Sunnah dipanggil juga ***Firqah Najiah*** iaitu golongan yang berjaya dan selamat.²

Adapun golongan yang mengikut hawa nafsu dan menentang ajaran al-Quran dan Sunnah atau yang mentakwilkan ajaran kedua-duanya bagi disesuaikan dengan kemahuannya serta lari dari kumpulan jamaah orang Islam,

1. Shaykh Ahmad Ibn Abdul Razak al-Duwais, ***op.cit.***, jid. 2, hlm. 152.

2. ***Ibid.***

mereka itu tergolong di dalam golongan yang sesat dan menyeleweng, bukan daripada golongan Ahli Sunnah.¹

(c) **Bila Lahir Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah**

Berdasarkan kepada maksud Ahli Sunnah wal Jamaah yang telah dibincangkan, dapat difahami bahawa golongan Ahli Sunnah ini telah wujud sejak zaman para sahabat lagi, walaupun begitu gelaran Ahli Sunnah wal Jamaah ini tidak digunakan oleh para sahabat kerana gelaran sahabat adalah lebih mulia dan lebih tinggi, tetapi bukanlah bererti perkataan Ahli Sunnah wal Jamaah tidak disebut orang, bahkan ada disebutnya. Umpamanya sewaktu menjelaskan maksud firman Allah:²

بِوْمَ تَبَيَّضُ وُجُوهٌ وَتَسُودُ وُجُوهٌ

Ertinya:

(Ingatlah akan) hari (kiamat) yang padanya ada muka (orang-orang) menjadi berseri, dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam.

Ibn Abbas menyebut mereka yang putih berseri mukanya adalah Ahli Sunnah wal Jamaah dan ahli ilmu manakala mereka yang hitam mukanya adalah ahli bid'ah

1. *Ibid.*

2. Surah Ali Imran, ayat 106.

dan golongan yang sesat.¹

Pandangan seperti di atas disebut juga oleh Ibn Kathir dalam tafsirnya. Beliau berkata di hari kiamat muka-muka golongan Ahli Sunnah menjadi putih berseri dan muka golongan ahli bid'ah dan sesat menjadi hitam legam.²

Selain itu Sufyan al-Thawri juga ada mengguna perkataan Ahli Sunnah, katanya:³

استوصوا بأهل السنة خيراً فأخم غرباء

Ertinya:

Berwasiatlah kamu dengan Ahli Sunnah mengenai perkara kebaikan, maka sesungguhnya mereka adalah orang-orang dagang.

-
1. Abu al-Qasim Habbatullah al-Hasan al-Lalakai, *Syarh Usul 'itiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah Min al-Kitab wa al-Sunnah Ijma al-Sahabah wa al-Tabien Min Ba'dihim*, cet. 2, jid. 1, Tahqiq; Dr. Ahmad Sa'ad Hamdan, *Matabi' al-Wafa'*, 1411H, hlm. 23. Lepas ini disebut al-Lalakai sahaja.
 2. Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-Azim*, jid. 1, Dar al-Fikr, t.t. hlm. 390.
 3. Al-Lalakai, *op.cit.*, hlm. 64.

Berdasarkan kepada kenyataan yang dikemukakan di atas didapati penggunaan istilah Ahli Sunnah wal Jamaah telah digunakan sejak abad pertama hijrah lagi, tetapi tidak banyak disebut orang. Istilah Ahli Sunnah sering digunakan untuk membezakan golongan umat Islam yang mengamal ajaran Islam yang sebenar dengan golongan bid'ah yang sesat dan menyeleweng.

Dari apa yang disebut sebelum ini jelas bahawa jalan dan pedoman hidup umat Islam pada awal Islam mengikut sunnah Rasulullah dan mereka itu dipanggil Ahli Sunnah wal Jamaah. Tetapi setelah berlakunya perpecahan, maka umat Islam yang benar-benar berpegang kepada ajaran Islam yang suci bersih dari penyelewengan sahaja dipanggil Ahli Sunnah wal Jamaah, manakala yang lain dipanggil golongan **Ahl al-Ahwa** (yang mengikut hawa nafsu) atau golongan **mubtadi'** (yang mereka-mereka perkara baru dalam agama).

Sebenarnya lahirnya penggunaan istilah Ahli Sunnah wal Jamaah dan istilah-istilah lain yang menjadi lawan kepadanya seperti **Ahl al-Ahwa'**, **mubtadi'** dan lain-lain bermula setelah berlakunya perbalahan umat Islam sesama mereka dalam beberapa perkara bermula dari

pembunuhan Saidina Osman bin Affan r.a. lagi.¹ Kemudian setelah perlantikan Saidina Ali r.a. lahirnya berbagai-bagai golongan **mubtadi'** seperti Khawarij, Syiah, Murjiah dan sebagainya. Golongan yang berpegang teguh dengan kemurniaan ajaran Islam yang asal yang tidak **mubtadi'** itu kekal terkenal dengan panggilan Ahli Sunnah wal Jamaah atau **Firqah Najah**, manakala yang lain dipanggil golongan **mubtadi'**.

Dari sini jelas bahawa golongan Ahli Sunnah, adalah golongan terawal dalam Islam dan golongan yang benar-benar berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. di samping berpegang dengan akidah yang sahih. Ibn Taimiyyah pernah menyebut bahawa golongan Ahli Sunnah wal Jamaah adalah golongan yang lama, golongan sahabat, tabi'in dan tabi' al-tabi'in, juga golongan umat Islam yang lain selepas mereka itu yang mengikut cara hidup Rasulullah s.a.w. dan sahabatnya. Golongan yang lahir sebelum lahirnya Imam Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad Ibn Hanbal dan imam-imam Ahli Sunnah yang lain lagi. Kemudian ia berterusan sampai akhir zaman. Oleh itu apabila lahirnya

1. Dr. Nasir Ibn Abdullah al-Qafari, **Masalah al-Taqrib Bayn Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah wa al-Syiah**, cet. 2, jid. 1, Dar Taiyyibah Li al-Nasyr wa al-Tawzi, Riyadh, 1413H, hlm. 38-39.

mana-mana imam mengajak orang ramai kembali kepada mazhab Ahli Sunnah sewaktu tersebarnya bid'ah dan penyelewengan, maka imam-imam itu bukannya membawa perkara baru, tetapi sebaliknya memperbaharui dan menghidupkan semula ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah yang telah ditinggal, diseleweng dan dirosakkan oleh golongan *btadi'* sebelumnya,¹ seperti lahirnya Imam Abu Hassan al-Asyari, Abu Mansur al-Maturidi, al-Nasai, al-Baihaqi dan lain-lain lagi, mereka adalah penyambung bagi menghidupkan ajaran Ahli Sunnah. Imam Abu Hassan al-Asyari dan Abu Mansur al-Maturidi dan kawan-kawannya bukan pengasas golongan Ahli Sunnah wal Jamaah sebagaimana yang disebut-sebut oleh setengah orang, tetapi mereka sebagai menyambung mazhab Ahli Sunnah. Kerana sahabat, tabi'in dan tabi' al-tabi'in adalah golongan Ahli Sunnah yang terawal. Mereka yang datang selepas tiga golongan generasi di atas dianggap sebagai penyambung kepada mazhab Ahli Sunnah yang asal itu.

(d) **Ahli Sunnah Dan Bahagiannya**

Kebanyakan ulama membahagikan golongan Ahli Sunnah wa Jamaah atau *Firqah Najiah* kepada dua golongan. Pertama, dipanggil golongan *salaf* iaitu golongan para

1. Muhammad Abd Hadi al-Masri, *op.cit.*, hlm. 64, Dr. Nasir Ibn Abdullah al-Qafari, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 40.

sahabat, tabi'in dan tabi' al-tabi'in atau golongan umat Islam yang terbaik lagi teragong yang hidup di tiga abad awal Islam seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya:

خَيْرُ النَّاسِ قَرْنٌ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَحُونَ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَحُونَ

Ertinya:

Sebaik-baik manusia ialah yang hidup di zaman aku (yakni para sahabat) kemudian golongan yang mengikut mereka (yakni tabi'in), kemudian yang mengikut mereka itu (yakni tabi' al-tabi'in).¹

Manakala umat Islam yang datang selepas tiga golongan awal di atas sama ada mereka itu hidup di abad kelima, keenam dan seterusnya sampai ke generasi sekarang yang mengikut cara atau minhaj golongan di atas sama ada dalam bidang fiqah, akidah dan sebagainya, mereka ini dikira termasuk dalam golongan **Salafiah** (pengikut **salaf**).²

Oleh kerana golongan **Salaf** ini kuat berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. juga sunnah para sahabat, maka dalam bidang akidah umpamanya mereka

-
1. Ibn al-Athir al-Jazari, *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul*, cet. 3, jid. 8, Dar al-Syurug, Juddah, 1982-1402, hlm. 548.
 2. Muhammad Abd Hadi al-Masri, *op.cit.*, hlm. 52.

tidak mentakwil sifat-sifat Allah yang dipanggil "*Sifat Khabariyah*", seperti sifat *Wajh* (wajah), sifat *Yad* (tangan), *Nuzul* (turun) dan seumpamanya, bahkan mereka mengisbatkan sifat-sifat itu bagi Allah tanpa ada sebarang *tasyabih* (menyamakan) dengan sifat-sifat makhluk dan tanpa ditaksyifkan (diterangkan caranya). Mereka *isbatkan* (menetapkan) sifat-sifat ini sama seperti Rasul *isbatkannya*. Sebagai contoh Imam Abu Hanifah salah seorang ulama *salaf* mengisbatkan sifat-sifat tersebut kepada Allah tanpa ditakwil kepada maksud yang lain, beliau berkata:

"Mana-mana sifat yang disebut oleh Allah Taala dalam al-Quran seperti Allah menyebut sifat *Wajh*, *Yad* dan *Nafs*, maka itu adalah sifat-sifat Allah yang tidak diketahui *kaifiyat* (atau caranya) dan tidak boleh dikatakan (atau takwilkan) *Yad* Allah kepada maksud kuasaNya atau NikmatNya kerana takwilan sedemikian boleh membatalkan sifat Allah. Takwilan seperti ini adalah pendapat golongan Qadariah dan Muktazilah. Yang sebenarnya *Yad* Allah adalah sifatNya yang tidak di ketahuinya bagaimana *kaifiyatnya* (atau caranya), *Ghadab* (marah) dan redaNya adalah dua sifat Allah yang tidak diketahui *kaifiyatnya*."¹

1. Al-Mala' Ali Ibn Sultan Muhammad al-Qari, *Syarah Ala al-Fiqh al-Akbar*, Qadimi Kutub Khanah, Kerachi, t.t., hlm. 33-34.

Imam Malik sewaktu ditanya orang apakah maksud Allah **Istiwa** di atas **Arasy** seperti yang disebut di dalam al-Quran:¹

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ أَسْتَوْى

Ertinya:

Al-Rahman beristiwa di atas **Arasy**.

Imam Malik menjawab:

"**Istiwa** itu maklum (diketahui ertinya) dan **kaifiyat** atau caranya **majhul**, (tidak diketahui), beriman dengannya adalah wajib dan bertanya mengenainya adalah **bid'ah**."²

Dari petikan pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Malik itu jelas kepada kita bahawa ulama Salaf tidak mentakwil Sifat **Khabariyah**, bahkan diisbatkan kepada Allah tanpa ada sebarang **tasyabih** dan **tamthil** (menyama dan menyerupanya dengan makhluk).

Manakala golongan Ahli Sunnah wal Jamaah yang kedua dipanggil golongan **khalaf** yang datang kemudian dari golongan **Salaf** iaitu yang datang selepas abad

1. Surah al-Taha, ayat 5.

2. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 129-130 dan telah disebut sebelum ini.

ketiga hijrah dan mereka mentakwilkan kesemua sifat-sifat ***Khabariyyah***. Bagi mereka kalau tidak ditakwil boleh membawa kepada menyerupakan Allah dengan makhluk. Oleh itu mereka mentakwil sifat ***Wajh*** kepada zatNya, ***Yad*** kepada kekuasaanNya, ***Nuzul*** Allah ditakwilkan kepada ***Nuzul*** (turun) rahmat atau malaikat Allah dan lain-lain lagi.¹

Golongan ***khalaf*** juga selain daripada mentakwil sifat-sifat ***Khabariyyah*** mereka mengutamakan dalil-dalil akal pada banyak keadaan bagi mengisbatkan akidah ketuhanan, sedangkan golongan ***salaf*** mengutamakan dalil-dalil ***nakli*** (dalil-dalil ayat al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w.) untuk tujuan tersebut.²

-
1. Lihat kitab-kitab akidah ***khalaf*** semuanya mentakwilkan sifat-sifat tersebut.
 2. Lihat kitab-kitab akidah ***Khalf (Asyairah)*** yang dipelajari di pondok-pondok di negeri kita.

(e) Kumpulan-kumpulan Ahli Sunnah Wal Jamaah

Imam Abdul Qahir al-Baghdadi membahagikan pengikut Ahli Sunnah wal-Jamaah kepada beberapa kumpulan mengikut perbezaan bidang ilmu masing-masing dan juga mengikut perbezaan tugas kerja yang berlainan. Kumpulan-kumpulan mereka itu ialah:¹

Kumpulan pertama: Kumpulan ahli akidah atau ulama tauhid yang mengetahui perkara-perkara berhubung dengan tauhid dan sifat-sifat Allah, berkenaan dengan kenabian, mengetahui mengenai **wa'd** (percayai ada balasan baik kepada orang yang melakukan kebaikan) dan **wa'id** (percayai adanya balasan jahat kepada sesiapa yang melakukan kejahatan jika tidak diampunkan), percaya adanya dosa pahala, mengetahui syarat-syarat ijtihad, perkara mengenai **imamat** (kepimpinan dalam Islam). Mereka terdiri daripada golongan ulama tauhid yang mengisbatkan (menetapkan) sifat-sifat kesempurnaan

1. Imam Abd Qahir Ibn Tahir al-Baghdadi, **Al-Farq Bayna al-Firaq**, cet. 4, Dar al-Afaq al-Jadidah, Beirut, 1980-1400, hlm. 300-308.

kepada Allah dan tidak men **tasybihkan** (menyerupai) Allah dengan makhluk dan tidak mentakwilkan sifat-sifat Allah sepetimana yang dilakukan oleh golongan Syiah, Khawarij, Mujassimah dan golongan-golongan sesat yang lain.

Kumpulan Kedua: kumpulan ahli fiqh yang terdiri dari imam-imam dan ulama-ulama fekah dari dua aliran iaitu aliran **Muhadithin** (yang kuat berpegang kepada hadith) dan aliran **Ashab al-Ray** (yang banyak menggunakan akal). Golongan ini dalam perkara akidah ketuhanan percaya kepada sifat-sifat Allah dengan betul tidak seperti pegangan golongan Khawarij, Muktazilah dan lain-lain. Mereka percaya orang-orang mukmin dapat melihat Allah di akhirat, percaya ada soalan mungkar dan nakir di dalam kubur, ada syufaat Rasulullah s.a.w., percaya syurga neraka , percaya kepada imamah (kepimpinan) Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali. Mereka percaya wajib mengistimbatkan (mengambil) hukum-hukum syarak daripada al-Quran dan Sunnah. Mereka berpendapat wajib bersembahyang Jumaat di belakang imam yang bersih diri daripada bid'ah **Ahl al-Ahwa** (yang mengikut hawa nafsu), juga mereka mengharam nikah muta'ah, wajib taat kepada pemerintah pada perkara yang bukan maksiat kepada Allah. Termasuk dalam golongan ini Imam-imam mazhab empat dan pengikut mereka juga pengikut-pengikut imam al-Auza'i,

al-Thawri dan pengikut ulama fekah Ahli Sunnah yang lain.

Kumpulan ketiga: Kumpulan Ahli Sunnah dari kalangan ulama hadith yang mengetahui kedudukan hadith sahih, **dhaif** (lemah) dan **maudu'** (palsu) serta mengetahui kedudukan perawi-perawi hadith. Mereka tidak mencampur adukkan ilmu mereka dengan sesuatu pegangan golongan **Mubtadi'**, golongan yang mengikut hawa nafsu dan yang menyeleweng.

Kumpulan keempat: Kumpulan Ahli-ahli Bahasa Arab (dan lain-lain) yang mengetahui ilmu tatabahasa: nahu, saraf, balaghah dan kesasteraan seperti al-khalil, Abu Amru Ibn al-'Ala, Sibawaih, al-Farra', al-Akhfasy, al-Asmu'i dan ahli-ahli bahasa yang lain dari Kufah dan Basrah. Mereka tidak mencampur adukkan ilmu-ilmu mereka dengan sesuatu daripada pegangan golongan **mubtadi'** dan sesat, mereka berpegang kepada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.

Kumpulan kelima: Kumpulan Ahli al-Quran yang terdiri daripada ulama-ulama dan kumpulan yang mengetahui tentang ilmu qiraat (bacaan) al-Quran dan tafsirnya yang sesuai dengan pegangan Ahli Sunnah. Mereka tidak termasuk golongan yang mentafsirkan al-

Quran mengikut takwilan-takwilan tersendiri yang menyeleweng.

Kumpulan keenam: Kumpulan ahli sufi yang zuhud yang mentarbiahkan jiwa, hati dan akhlak untuk mendekatkan diri kepada Allah. Mereka menjauhi diri dari ajaran-ajaran bid'ah, khurafat dan menyeleweng bahkan kuat berpegang dan berpandukan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w. Mereka reda dengan rezeki sedikit yang halal, mereka sedar bahawa pandangan, penglihatan dan hati (**fuad**) akan ditanya oleh Allah samada kebaikan dan kejahatan yang dilakukan. Manakala tauhid mereka adalah tauhid yang betul, tidak menyeleweng.

Kumpulan ketujuh: Golongan Ahli Sunnah yang bertugas menjaga negara dan sempadan negeri umat Islam dari diserang dan diganggu oleh musuh-musuh Islam. Mereka tetap berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar berdasarkan ajaran al-Quran, Sunnah Rasul dan ijmak ulama.

Kumpulan kelapan: Ialah orang-orang awam dari kalangan Ahli Sunnah yang mendiami di negeri-negeri yang jelas tersebarinya syiar-syiar Ahli Sunnah yang mana kebanyakannya rakyat di situ mengikut Ahli Sunnah wal Jamaah, akidah mereka betul dan tidak menyeleweng. Mereka pula yakin pegangan Ahli Sunnah adalah benar dan

betul, mereka mengikut ulama Ahli Sunnah mengenai perkara halal dan haram. Mereka menolak pandangan golongan **mubtadi'** dan golongan sesat yang berbeza daripada pendapat Ahli Sunnah.

Apa yang disebut oleh Abd Qahir al-Baghdadi di atas adalah beberapa kumpulan Ahli Sunnah dari berbagai kategori yang berbeza antara satu dengan yang lain mengikut berlainan tugas dan bidang kerja serta ilmu masing-masing. Walaupun begitu mereka kesemuanya berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Rasul serta ajaran Islam yang murni tidak bercampur aduk dengan unsur-unsur penyelewengan, bid'ah, khurafat dan syirik.

(f) **Ciri-ciri Penting Ahli Sunnah wal Jamaah**

Untuk mengenali dengan lebih jelas mengenai Ahli Sunnah wal Jamaah, para ulama telah menyebut beberapa ciri penting yang ada padanya samada mengenai cara penghayatan Islam, akidah, akhlak dan sebagainya. Ciri-ciri itu antara lain ialah:¹

1. Lihat Muhammad Abd Hadi al-Masri, *op.cit.*, hlm. 87-105, Ahmad Farid, *Khasais Ahl al-Sunnah*, Muassasah Qartabah, al-Andalus, al-Haram, t.t., hlm. 63-87.

(a) **Menjadikan al-Quran dan hadith pedoman utama**

Mereka ini keseluruhannya menjadikan al-Quran dan hadith sebagai rujukan utama dalam kehidupan mereka. Bagi mereka akal perlu dibimbing oleh kedua-dua asas penting di atas. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.:¹

ترکت فیکم أمرین لَنْ تضلُّوا مَا تمسكتم بِهِما كِتابَ اللَّهِ وَسُنْتَ رَسُولِهِ

Ertinya:

Aku tinggal kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama-lamanya selepas aku selama mana kamu berpegang kepada kedua-dua kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah Rasul-Nya.

Hadith lain Rasulullah s.a.w. bersabda:²

أوصيكم بِتقوی اللَّهِ وَالسمُونِ وَالطَّاعَةِ وَانْ عَبَدَا حِبْشَا فَانِهِ مِنْ يَعْشُ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسَرِي اختلافاً كثِيراً وَاباكم وَمحدثات الأمور فَانِ كلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدُعَةٍ وَكُلَّ بِدُعَةٍ ضَلَالٌ فَغُلِيَّكُمْ بِسُنْتِي وَسَةُ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ تَمْسَكُوكُمْ بِهَا وَعَضُوا عَلَيْهَا بِالْتَوَاحِذِ

Ertinya:

Aku berwasiat kepada kamu sekalian supaya bertakwa kepada Allah, supaya taat dan dengar (kepada perintah yang baik) walaupun dari seorang

-
1. Ibn al-Athir al-Jazari, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 277.
 2. *Ibid.*, jid. 1, hlm. 278-279.

hamba bangsa Habsyi (yang hitam), sesungguhnya sesiapa dari kalangan kamu yang hidup (lama) akan dapat melihat berlakunya perselisihan yang banyak dan hendaklah kamu berjaga-jaga daripada (mengada-adakan) perkara baru (dalam urusan agama), kerana perkara itu adalah sesat. Sesiapa di kalangan kamu dapat i perkara baru yang sedemikian hendaklah kamu mengikut Sunnahku dan Sunnah para Khulafa' Rasyidin yang mendapat hidayah Allah dan hendaklah kamu gigit Sunnah itu dengan gigi geraham kamu (peganglah dengan kuat).

Kedua-dua hadith di atas jelas menunjukkan bahawa umat Islam perlu berpandukan kepada al-Quran, Sunnah Rasul, Sunnah para sahabat dan pendapat *Salafus al-salleh* dengan tujuan untuk mengelak dari berlakunya penyelewengan dan kesesatan dalam hidup.

Urusan keagamaan ini bandingnya samalah dengan urusan keduniaan harian. Kalau urusan keduniaan kita perlu kepada pakar-pakar dan sumber asli dalam sesuatu bidang tertentu seperti apabila timbul sesuatu masalah ekonomi umpamanya orang akan bertanya pakar ekonomi dan merujuk kepada buku-buku ekonomi. Kalau menghadapi masalah sesuatu penyakit, orang akan bertanya doktor pakar penyakit yang berkenaan. Dengan berbuat demikian barulah sesuatu masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan baik. Demikianlah halnya dengan urusan agama, kita mesti merujuk kepada al-Quran dan hadith dengan

melalui pakarnya yang terdiri daripada tokoh-tokoh agama muktabar yang dianggap sebagai pewaris nabi, kalau tidak agama akan rosak. Golongan Ahli Sunnah sangat kuat berpegang kepada al-Quran dan Sunnah serta kepada pendapat ulama-ulama yang muktabar dalam menjelaskan maksud sumber-sumber ajaran al-Quran dan hadith.

(b) **Sederhana dalam semua perkara**

Ahli Sunnah wal Jamaah tidak melampau ke kiri dan tidak ke kanan dalam perkara agama, bahkan mereka bersifat sederhana dan pertengahan dalam semua urusan, sama ada dalam bidang syariah, akhlak dan akidah. Umpamanya mengenai nama-nama Allah dan sifat-sifatNya, Ahli Sunnah mengambil sikap sederhana (pertengahan) antara golongan yang menafi sifat Allah (**Ahl al-Ta'til**)¹ dan golongan yang mentasybihkan Allah dengan makhluk (**Ahl al-Tasybih wal al-Tamthil**)² kerana itu Ahli Sunnah

-
1. Golongan **ta'til** ialah golongan yang menafikan sifat Allah, tidak *diisbatkan* Allah dengan sifat yang layak denganNya kerana dikatakan takut menyerupai Allah dengan makhluk.
 2. Golongan ini menyama dan menyerupakan sifat-sifat Allah dengan sifat makhlukNya.

mensifatkan Allah dengan semua sifat yang disifatkan oleh Allah sendiri dan oleh RasulNya tanpa sebarang *tahrif* (ubah), *ta'til* (menafikan sifat) dan tanpa ada *tamthil* atau *tasybih* (menyerupai Allah dengan makhluk) dan tidak ada *takyif* (tidak cuba bertanya bagaimana sifat Allah).

Manakala mengenai *afal al-Ibad'* (perbuatan manusia), Ahli Sunnah di tengah-tengah di antara pendapat Muktazilah dan Jabariah. Muktazilah menganggap manusia melakukan perbuatan sendiri dengan kuasa yang Allah berikan kepadanya. Jabariah mengatakan manusia tidak melakukan sesuatu bahkan perbuatannya dilakukan oleh Allah, manusia dianggap seperti kapas dititiup angin.¹ Manakala Ahli Sunnah mengatakan Allah menciptakan perbuatan manusia, tetapi pada manusia ada iktiar dan usaha melakukan suatu perbuatan dan kerja. Dengan usaha dan iktiar itu manusia boleh memilih pekerjaan baik atau jahat.² Demikian juga mengenai sikap mereka terhadap sahabat Rasulullah mereka di tengah-tengah di antara sikap Syiah dan Khawarij. Syiah melebih-melebihkan Ali bin Abu Talib dari Abu Bakar, Umar, Othman dan sahabat-sahabat lain lagi, manakala Khawarij mengkafirkan Ali dan pengikutnya, sedangkan

1. Dr. Abd Salam Muhammad 'Abduh, *Ilm al-Tawhid fi Thawbin Jadid*, Matbaah Lutfi, Kahirah, 1980/81, hlm. 9.

2. *Ibid.*, hlm. 11.

Ahli Sunnah mengambil jalan tengah, jalan yang paling baik, sahabat semuanya baik. Mereka menganggap sahabat yang paling afthal ialah Abu Bakar, kemudian Umar, kemudian Othman, kemudian Ali dan seterusnya.¹

(c) Mengawal lidah dari mencaci sahabat

Ahli Sunnah mengambil sikap mengawal lidah dari mencaci dan mencela sahabat Rasulullah s.a.w. dan jauh sekali dari mengkafirkan mereka. Ini berbeza sekali dengan sikap golongan *mubtadi'* seperti Syiah, Khawarij dan lain-lain. Ahli Sunnah bersikap sedemikian kerana berpandukan kepada arahan Islam. Rasulullah s.a.w. bersabda:²

لَا تُسْبِوا أَصْحَابَيْ فَوَالذِّي نَفْسِي بِيْدِهِ لَوْ أَنْ أَحْدَكُمْ أَنْفَقَ
مَثْلُ أَحَدٍ ذَهَبَ مَا أَدْرَكَ مَدْ أَحَدُهُمْ وَلَا نَصْفُهُ

Ertinya:

Jangan kamu mencela (mencaci) sahabat-sahabatku, demi Tuhan yang nyawaku berada di tanganNya, sekiranya seorang dari kamu .

-
1. Muhammad Abd. Hadi al-Masri, *op.cit.*, hlm. 94. Imam Abu Hassan Ibn Ismail al-Asy'ari, *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, Tahqiq, Shaykh Hamad Ibn Muhammad al-Ansari, Matbaah al-Jamiah al-Islamiyyah Madinah, 1405H., hlm. 59.
 2. Imam Abu al-Hussain Muslim Ibn al-Hajjaj al-Nisaburi, *op.cit.*, jid. 4, hlm. 1967.

membelanja (menderma harta) emas sebesar Bukit Uhud (pahalanya) tidak sampai secukup atau setengah cupak (yang dibelanjakan oleh para sahabat).

Dalam hadith lain termasuk yang diriwayatkan oleh Tarmizi ada menyebut 10 orang sahabat telah dijamin masuk syurga oleh Rasulullah. Mereka ialah Abu Bakar, Umar, Othman, Ali, Abd Rahman Ibn Auf, al-Zubair Ibn al-'Awam, Abu Ubaidah, Sad Ibn Abu Waqas dan Said Ibn Zaid.¹ Selain itu Rasulullah s.a.w. juga menyatakan bahawa Fatimah anaknya sebagai ketua kaum muslimat di dalam syurga,² Hassan dan Hussin pula ketua kaum pemuda Ahli Syurga.³

Sahabat-sahabat yang tersebut di atas adalah sebahagian daripada yang telah dijamin masuk syurga oleh Rasulullah s.a.w.

-
1. Imam al-Suyuti, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 6.
 2. Imam Abu al-Hussin Muslim Ibn Hajjaj al-Nisaburi, *Sahih Muslim*, jid. 4, Tahqiq Muhammad Fuad Abd al-Baqr, Dar al-Ifta wa al-Da'wah wa al-Irsyad, Riyadh, 1980M-1400H, hlm. 9. Lepas ini disebut Imam Muslim sahaja.
 3. Imam Abu Isa Muhammad Ibn Isa al-Tarmizi, *Sunan al-Tarmizi wa Huwa al-Jami' al-Sahih*, cet. 3, jid. 5, Dar al-Fikr, 1978M-1398H, hlm. 321. Lepas ini disebut Imam al-Tarmizi sahaja.

Berpandukan kepada hadith di atas dan hadith-hadith lain lagi serta ditambah lagi dengan puji-pujian Allah dalam al-Quran terhadap sahabat, Ahli Sunnah merasa kecil dan rendah diri apabila berhadapan dengan kelebihan sahabat, kerana itu mereka tidak mencela dan merendah-rendah taraf sahabat bahkan memuji-muji, menghormati dan sayang kepada mereka.

Di samping itu, mereka juga mengambil sikap berdiam diri tidak menyalah dan menuduh sahabat-sahabat tertentu bersalah dalam kes-kes perbalahan yang berlaku sesama mereka¹ seperti perselisihan antara Ali dengan Muawiyah dan Ali dengan Aisyah bahkan mereka menyerah perkara itu kepada Allah.

(d) **Tidak ada yang agong kecuali Rasulullah s.a.w.**

Ahli Sunnah berpendapat tidak ada orang yang lebih agong kecuali Rasulullah s.a.w. sahaja. Kerana itu semua ajarannya betul dan benar mesti diambil dan diterima. Manakala selain daripada Rasulullah s.a.w. seperti imam-imam mazhab, ulama muktabar lain kedudukan mereka tidak sama dengan Nabi s.a.w. Mungkin ada

1. Imam Abu al-Hassan Ali Ibn Ismail al-Asyari, *Al-Ibanah An Usul al-Diyanah*, Taqdim; Shaykh Hammad Ibn Muhammad al-Ansari, Matbaah al-Jamiah al-Islamiyyah, Madinah, 1405H, hlm. 60.

pendapat atau ijtihad mereka salah dan tidak tepat, kerana itu pendapat mereka boleh diterima sekiranya bersesuaian dengan al-Quran dan Sunnah dan boleh ditinggal atau ditolak sekiranya menyalahi kedua-duanya.

Ibn Taimiyyah ada menyebut:

"Golongan Ahli Sunnah, mereka tidak mengikut seseorang secara keseluruhannya kecuali Rasulullah s.a.w. yang tidak bercakap kecuali wahyu dari Allah, segala apa yang diberitahu wajib dipercayai dan segala suruhannya wajib ditaati. Kedudukan seperti ini tidak ada pada imam-imam dan ulama. Orang-orang lain selain Rasulullah s.a.w. kata-kata dan pendapat mereka boleh diterima dan ditolak mengikut sesuaian atau tidaknya dengan ajaran Allah dan RasulNya."¹

Bagi Ahli Sunnah setiap pendapat dan kata-kata seseorang, sebelum diterima terlebih dahulu ditimbang dengan ajaran-ajaran al-Quran, Sunnah Rasul, ijmak ulama dan kias. Mana-mana yang sesuai dengan salah satu dari sumber di atas diterimanya, kalau tidak ditolaknya.²

1. Ahmad Farid, *op.cit.*, hlm. 64.

2. Muhammad Abd Hadi al-Masri, *op.cit.*, hlm. 72-73.

(e) **Menyuruh perkara ma'ruf dan mencegah perkara mungkar**

Antara ciri-ciri penting yang ada pada Ahli Sunnah wal Jamaah mereka menjadikan tugas **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** sebagai salah satu kewajipan agama yang mesti dilakukan sepanjang hayat. Atau dengan kata lain mereka adalah golongan yang menganggap tugas dakwah adalah tugas penting yang perlu dilakukan oleh semua umat Islam. Allah Taala berfirman:¹

ولكُنْ أَمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Ertinya:

Dan hendaklah ada diantara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh kepada perkara **ma'ruf** dan mencegah dari segala **mungkar**, mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang berjaya.

Nabi Muhammad bersabda:²

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَغْيِرْهُ إِذْ أَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلْيَسْأَلْهُ
فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَقَبْلَهُ وَذَلِكَ أَضْعَافُ الْإِيمَانِ

1. Surah Ali Imran, ayat 104.

2. Imam al-Suyuti, *op.cit.*, jid. 2, hlm. 171.

Ertinya:

Sesiapa dari kamu yang melihat kemungkaran hendaklah diubahnya dengan tangan (kuasa), jika tidak berkuasa hendaklah diubah dengan lidah (memberi nasihat) dan jika tidak berkuasa juga dengan lidah, hendaklah diubah dengan hati, itu adalah selemah-lemah iman.

Golongan Ahli Sunnah tidak mengabai tugas penting ini, bahkan dijalankannya dengan tanggungjawab di sepanjang masa sampai ke akhir zaman.

(f) Golongan umat Nabi Muhammad yang teramai

Ahli Sunnah adalah umat Nabi Muhammad yang paling ramai jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan lain yang disebut sebagai golongan **mubtadi'** dan **ashab al-Ahwa'** (yang mengikut hawa nafsu) seperti Khawarij, Muktazilah, Syiah, Batiniah, golongan-golongan ajaran sesat dan seumpamanya. Ahli Sunnah kuat berpegang kepada al-Quran, hadith Rasulullah s.a.w. dan mereka kasihkan sahabat. Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. diterimanya dengan melalui perantaraan para sahabat. Mereka menjauhkan diri dari golongan sesat dan menyeleweng juga mereka selalu menjaga diri dari berlaku perbalahan dan perpecahan, mereka berpedomankan kepada firman Allah:¹

1. Surah Ali Imran, ayat 103.

واعتصموا بحبل الله جميعا ولا تفرقوا

Ertinya:

Berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai.

Dan firman Allah:¹

فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Ertinya:

Dan sekiranya kamu berselisih sesama kamu dalam sesuatu perkara hendaklah dirujuk kepada Allah (al-Quran) dan kepada Rasulullah s.a.w. (Sunnahnya) sekiranya kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat.

(g) **Mempunyai akidah yang betul**

Ciri yang paling penting bagi golongan Ahli Sunnah, ialah mereka berpegang kepada akidah yang betul dalam semua perkara yang berkenaan dengannya. Mereka percaya kepada Allah, malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul, Qada kadar dan perkara-perkara *samiyyah* yang lain berpandukan kepada ajaran Rasulullah s.a.w. Mengenai

1. Surah al-Nisa', ayat 59.

sifat-sifat Allah mereka mengisbatkan (menetapkan) segala sifat yang Allah dan Rasul *isbat*kan dan menafikan segala sifat yang Allah dan Rasul nafikan, tanpa menyerupai Allah dengan sesuatu dari makhlukNya. Mereka beriktikad Allah dapat dilihat oleh orang-orang mukmin di akhirat nanti, al-Quran adalah kalam Allah yang Qadim tidak makhluk, apa yang diterang oleh Rasul mengenai kitab, malaikat, jin dan perkara-perkara *ghaibiyat* (perkara ghaib) dan lain-lain lagi semuanya benar. Mereka percaya kepada adanya keramat para wali Allah, percaya kepada perkara-perkara alamat-alamat kiamat yang besar dan kecil dan lain-lain lagi.

Demikianlah penjelasan mengenai sebahagian daripada ciri-ciri penting golongan Ahli Sunnah wal Jamaah yang banyak dijelaskan oleh ulama-ulama dalam beberapa buah kitab mereka.

Dari huraian yang panjang lebar di atas jelaslah bahawa golongan Ahli Sunnah wal Jamaah ialah golongan yang pada mulanya dipelupori oleh golongan *salaf* umat Islam terdiri dari kalangan sahabat Rasulullah s.a.w, tabiin dan tabi al-tabiin yang menghayati kebenaran Islam berasaskan ajaran al-Quran dan Sunnah Rasul, kemudian orang-orang lain yang datang kemudian daripada mereka itu, dengan mengikut cara dan minhaj mereka.

Golongan ini akan berterusan wujud silih berganti dari satu generasi ke satu generasi sampai akhir zaman.

Ahli Sunnah mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat membezakan mereka dari golongan **mubtadi'** dan golongan-golongan yang mengikut nafsu (**ashab al-ahwa'**) yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar yang terdiri daripada berpuluh-puluh golongan pula. Golongan-golongan ini bukan golongan Ahli Sunnah wal Jamaah,

C. KELAHIRAN DAN PERKEMBANGAN AHLI SUNNAH PERLIS

(a) Pengenalan Ahli Sunnah Perlis

Setelah dibuat kajian didapati golongan Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis dikatakan sebagai kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w., pendapat para sahabat dan pendapat para ulama *salafus al-saleh* serta ulama terkemudian seperti Ibn Taimiyyah, Muhammad Ibn Abdul al-Wahhab dan lain-lain dan mereka tidak bertaklid kepada mana-mana mazhab tertentu.

Ustaz Othman bin Muhammad salah seorang Ahli Sunnah Perlis sewaktu membentang konsep Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis kepada pegawai-pegawai masjid pada tahun 1988 menyebut perkara di atas, katanya:

"Ahli Sunnah ialah suatu kumpulan atau golongan orang Islam yang berpegang kepada ajaran al-Quran dan sunnah seperti mana amalan yang dilakukan oleh para sahabat dari tabiin tanpa melakukan bid'ah."¹

1. Othman bin Muhammad, *Konsep Ahli Sunnah wal-Jamaah*, Kertas kerja dibentang dalam kursus pegawai-pegawai masjid negeri Perlis, 1988, hlm. 4.

Buku kecil keluaran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis menjelaskan maksud Ahli Sunnah wal Jamaah dengan panjang lebar, katanya:

"Ahli Sunnah wal Jamaah ialah kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Quran, sunnah Rasulullah s.a.w. dan pendapat para sahabat. Majlis (Agama) tidak terikat kepada mana-mana satu mazhab tertentu. Di dalam mazhab manapun yang jelas dan nyata pendapat mereka itu dari kitab Allah (al-Quran) atau sunnah RasulNya atau jamaah sahabat, kami berpegang dengannya. Adapun mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali pada pandangan rasmi Majlis adalah terhitung di dalam mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong dalam istilah Ahli Sunnah wal-Jamaah. Majlis Agama Islamm Perlis memang berpandu kepada mazhab-mazhab itu dan mengambil pendapat-pendapat mereka yang ada alasan daripada al-Quran, sunnah dan Jamaah sahabat Rasulullah s.a.w.". ¹

Majlis Agama Islam Perlis menjelaskan maksud Ahli Sunnah wal Jamaah seperti di atas berdasarkan kepada beberapa ayat al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w, antaranya:²

-
1. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, *Keputusan Fatwa Mengenai Ahli Sunnah wal-Jamaah*, hlm. 1-2.
 2. *Ibid.*, hlm. 2-3.

وَإِنْ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَبْغُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقُ بِكُمْ
عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَاحِبُكُمْ بِهِ لَعْنَكُمْ تَنَقُّونَ

Maksudnya:

Sesungguhnya ini adalah jalanKu yang lurus, maka ikutlah dia dan jangan kamu mengikut jalan-jalan lain kerana yang demikian itu diperintahkan oleh Allah kepada kamu agar kamu bertakwa.

Dan sabda Nabi s.a.w.:²

خَيْرُ أُمَّةٍ قَرَنَ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَخُمُونَ ثُمَّ يَجْعَلُونَ قَوْمًا
تَسْبِقُ شَهَادَةً أَحَدَهُمْ بِعِيهِ وَيَمْنِي شَهَادَتَهِ

Maksudnya:

"Sebaik-baik manusia ialah (yang hidup) dikurunku (di zaman Nabi s.a.w. dan sahabatnya), kemudian mereka yang datang sesudahnya (zaman tabiin) kemudian di zaman mereka yang datang sesudah mereka itu (zaman tabii al-tabiin) dan sesudah itu datanglah zaman orang yang suka berbohong dan janganlah kamu bergantung (berpegang) kepada perkataan dan perbuatan mereka."

1. Surah al-Anam, ayat 153.

2. Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*, jid. 7, Dar al-Fikr, t.t., hlm. 3.

Dari sini jelaslah bahawa Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis ialah kumpulan umat Islam yang mengikut ajaran al-Quran dan Sunnah berpandukan kepada tafsiran dan penjelasan ulama-ulama dari berbagai-bagai mazhab dan mereka tidak terikat kepada sesuatu mazhab Ahli Sunnah tertentu, mereka tidak terikat kepada mazhab Syafie umpamanya atau kepada mazhab Hanbali atau sebagainya. Mereka menerima pakai mana-mana sahaja pendapat mazhab empat yang disokong oleh dalil yang kuat. Ini bererti mereka tidak menolak pendapat imam-imam mazhab empat, bahkan mereka tetap menyanjungnya.¹

(b) **Perkembangan Ahli Sunnah Perlis**

Jika dikaji mengenai kedudukan dan perkembangan golongan Ahli Sunnah Perlis, kita boleh membahagikan kepada beberapa peringkat perkembangan seperti berikut:

1. **Peringkat Pembentukan**

Jika dilihat kepada peringkat pembentukan Ahli Sunnah Perlis didapati bahawa penggunaan istilah tersebut diguna kepada golongan yang terlibat dan terpengaruh kepada gerakan **Islah** atau reformasi Islam

1. Akan diterang selepas ini.

yang lahir di seluruh dunia Islam sebelum itu, mereka kadang-kadang digelar kaum muda dan ada ketikanya disebut kaum *wahhabi*.¹ Aliran ini muncul di Perlis bukan secara tiba-tiba tetapi mempunyai susur-galur sejarah yang tersendiri sehingga diterima oleh sekelompok masyarakat Perlis dan seterusnya dikanunkan dalam undang-undang tubuh kerajaan negeri Perlis serta dijadikan sebagai satu aliran rasmi umat Islam di negeri tersebut. Mereka menggelarkan diri mereka sebagai Ahli Sunnah wal Jamaah atau kumpulan *Islam* dan kadang-kadang dipanggil kumpulan *al-Jamaah* sahaja.²

Satu hakikat yang perlu disedari walaupun aliran ini telah berkembang lama di Perlis, namun begitu sebahagian besar masyarakat Islam di Malaysia termasuk di bahagian selatan negeri Perlis sendiri masih tidak jelas mengenai gagasan yang hendak diterapkan. Keadaan ini menjadi lebih kronik lagi apabila sebahagian umat Islam tidak dapat menerima konsep dan ajaran yang disampaikan dan yang lebih malang lagi ada yang menuduh golongan ini sebagai kumpulan yang menyeleweng kerana mereka tidak terikat dengan mana-mana mazhab.³

-
1. Temubual dengan Ustaz Nordin Ismail, 4 Mei 1995.
 2. Akan dihuraikan dengan lebih panjang selepas ini.
 3. Dari pengamalan penulis ketiga membuat kajian bulan Mei 1995 dan Mei 1996.

Sebelum kemunculan gerakan **Islah** atau Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis, negeri itu sama seperti negeri-negeri lain di Nusantara yang mana masyarakat Islam pada umumnya bermazhab Syafie. Di Perlis sendiri aliran **Syafieyyah** yang berkembang sebelum itu ada hubungannya dengan faktor kepimpinan tempatan masa itu terdiri dari tokoh-tokoh pembesarnya berasal dari keturunan Syed Hadramaut yang memang terkenal sebagai pendokong mazhab Syafie yang setia.¹ Dengan itu mulai dari zaman Kadi Besar Perlis yang pertama iaitu Syed Muhammad al-Haddad dan diikuti oleh Haji Muhammad bin Abdul Latif dan Haji Muhammad Noor bin Haji Muhammad dan pimpinan-pimpinan besar lain adalah dipegang oleh tokoh-tokoh aliran **Syafieyyah**.²

Bagaimanapun, fenomena ini tidak kekal lama, akhirnya berubah sekitar tahun 1920-an dengan munculnya gerakan pembaharuan dalam agama oleh tokoh-tokoh **Islah** atau tokoh-tokoh aliran **La-Mazhabiah** (yang tidak terikat kepada mana-mana mazhab) menyeru orang ramai agar berpegang kepada al-Quran dan Sunnah. Tidak ada pendapat

-
1. Mahayuddin Haji Yahya, *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 4 dan hlm. 7.
 2. Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Islah Di Perlis Sejarah Dan Pemikiran*, Penerbitan Pena Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989, hlm. 21.

yang sah siapakah tokoh yang mempelopori gerakan *Islah* di Perlis. Ada beberapa pendapat dikemukakan, di antara lain disebut bahawa tokoh yang dianggap mempelopori gerakan kembali kepada al-Quran dan Sunnah ini ialah Shaykh Hassan seorang ulama pengikut Muhammad Ibn Abdul Wahhab (dituduh ulama *Wahhabi*) dari Mekkah. Setelah berada di Arau untuk beberapa waktu, beliau berpindah ke Bangkok dan kemudian kembali semula ke Perlis untuk menyebarkan fahamannya.¹ Dr. Harun Din dalam kajiannya menyebut bahawa tokoh pertama melahirkan aliran Ahli Sunnah di Perlis ialah Shaykh Hassan berasal dari Arab Saudi. Beliau datang ke Perlis pada tahun 1345H bersamaan 1927M. Kedatangannya tepat pada waktu pembesar-pembesar Perlis sedang mencari tokoh yang boleh membawa perubahan seperti yang berlaku di Arab Saudi.² Sewaktu berada di Perlis, Shaykh Hassan menyebarkan dan mengajar ajaran Islam yang berdasarkan al-Quran dan Sunnah kepada pembesar-pembesar Perlis dengan penekanan kepada menghidupkan kembali Islam yang sebenarnya dengan beramal kepada al-Quran dan Sunnah di samping memerangi khurafat dan bid'ah.³

1. Abdul Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 47.

2. Dr. Harun Din, *Sejauhmanakah Perbezaan Amalan Keislaman yang Terdapat di Negeri Perlis yang tidak Bermazhab*, Kajian ilmiah (tidak dicetak) Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia, t.t., hlm.6.

3. Dr. Harun Din, *op.cit.*, hlm. 8.

Manakala dalam buku cenderamata "Ijtimak al-Sunnah kedua tahun 1988" anjuran Persatuan **Islah** Perlis mencatatkan bahawa fahaman Sunnah di Perlis telah berkembang semenjak tahun 1920-an. Ia dibawa dan dipelopori oleh Lebai Kechik dari Indonesia. Pada peringkat awal kedatangan, beliau ditentang oleh penduduk tempatan dengan hebatnya kerana mereka merasakan tradisi keagamaan yang diamalkan begitu lama dengan mengikut mazhab (Syafie) dikira tergugat. Walaupun begitu ada juga beberapa orang tertentu sudi datang mempelajari pelajaran **al-Sunnah** daripada beliau sehingga beliau meninggal dunia di Perlis.¹

Walaupun ada pengikut-pengikut **Islah** di Perlis berpendapat tokoh awal yang mempeloporinya ialah Lebai Kechik dari Indonesia, tetapi menurut Shukur Ahmad yang pernah menjadi Setiausaha Persatuan **Islah** Perlis, faktor di atas tidak tepat. Beliau meletakkan Lebai Kechik sebagai tokoh kedua selepas Shaykh Hassan. Tambahan pula menurut beliau, Lebai Kechik datang pada tahun 1930-an dan meninggal dunia di Perlis serta dikembumikan di Kampung Behor Masjid, Simpang Empat, Perlis.² Sedangkan Shaykh Hassan datang pada tahun 1927

-
1. Buku Cenderamata, Ijtimak al-Sunnah Kedua, Anjuran Persatuan al-Islah Perlis, 1988, hlm. 10.
 2. Temubual dengan Hj Salleh bin Hj Abdullah pada 9.5.1996.

lagi. Jadi nampaknya pendapat Dr. Harun Din yang mengatakan Shaykh Hassan yang mula memperkenalkan Sunnah di Perlis adalah lebih tepat.

Selain daripada tokoh di atas, terdapat juga seorang anak tempatan Perlis yang lahir dan mendapat pendidikan di Mekkah iaitu Haji Ahmad bin Haji Muhammad, seorang Hakim Besar Negeri yang lebih terkenal dengan nama Haji Ahmad Hakim yang dikatakan telah terpengaruh dengan gerakan *Wahhabi*. Jasa beliau yang terpenting di peringkat awal ini ialah menyelaraskan cara pungutan zakat dan fitrah dengan teratur.¹ Atas inisiatif dan usahanya sendiri dipersembahkan cadangannya kepada Raja Syed Alwi pada tahun 1927M/1345H untuk diambil tindakan sewajarnya tetapi cadangannya tidak disokong oleh ulama tradisional kerana jika cadangan itu dilaksanakan oleh kerajaan bererti hanya amil-amil yang dilantik sahaja berhak memungut zakat padahal pada zaman sebelum itu ia boleh dikutip secara bebas terutamanya oleh tokoh-tokoh agama yang berpengaruh. Bagaimanapun akhirnya cadangan itu diterima juga dan hasilnya terbentuklah jawatankuasa Perusahaan pada tahun 1352H./1934M. menetapkan bahawa zakat atas tanaman padi hendaklah dikutip pada tahun itu juga.²

1. Dr. Harun Din, *op.cit.*, hlm. 8-9.

2. Abdul Rahman bin Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 22.

Di samping Haji Ahmad Hakim ada lagi tokoh-tokoh tempatan seperti Wan Ahmad bin Wan Daud dan Shaykh Ahmad bin Mohd Hashim. Mereka merupakan tokoh tiga serangkai di Perlis yang lebih dikenali dengan nama julukan "Tiga Mat". Mengenai Wan Ahmad bin Wan Daud beliau merupakan seorang tokoh yang disegani dan terpengaruh kepada gerakan *Islah* yang dibawa oleh A. Hassan Bandung, seorang tokoh utama Persatuan Islam (Persis) dari Bandung yang banyak terpengaruh kepada Faqih Hashim yang menganut fahaman *Wahhabi*.¹ Banyak buku agama terbitan Persis dipesan terus dari Bandung. Di samping itu, Wan Ahmad Wan Daud juga dikatakan sering bertemu dengan Syed Shaykh Al-Hadi yang ketika itu bergerak cergas di Pulau Pinang. Sebab itu beliau juga mengenali Abdul Wahab Abdullah Penolong Pengarang "Akhbar Saudara" kepunyaan Syed Shaykh al-Hadi.²

Satu lagi tokoh yang dianggap paling popular bagi gerakan *Islah* atau ahli sunnah Perlis ialah Shaykh Abu Bakar al-Ashaari bekas penuntut Universiti al-Azhar Mesir sepanjang tahun 1925 hingga 1932. Sewaktu jangkamasa beliau berada di Mesir itu merupakan zaman-zaman akhir bagi Muhammad Rasyid Ridha iaitu seorang -

-
1. Dr. Syafiq A. Mughni, *Hassan Bandung Pemikir Islam Radikal*, Pt. Bandung Ilmu, Surabaya, 1994, hlm. 15.
 2. Abdul Rahman bin Haji Abdullah *op.cit.*, hlm. 22-23.

tokoh *Islah* terulung di Mesir ketika itu. Sekembali beliau ke Pulau Pinang, beliau mengajar orang ramai pelajaran agama Islam di samping menulis di dalam "Akhbar Saudara" keluaran Syed Shaykh al-Hadi. Atas usaha dan inisiatif "Tiga Mat" yang tersebut di atas, Shaykh Abu Bakar kemudiannya di bawa ke Perlis pada tahun 1936. Pada mulanya beliau ditugaskan mengajar di Madrasah Alwiyyah, tetapi memandangkan peranannya di situ agak terhad lalu beliau ditukarkan bertugas sebagai Imam Besar Negeri (Masjid Alawi). Melalui khutbah-khutbah Jumaat, suaranya semakin nyaring menyeru umat Islam agar berpegang kepada al-Quran dan Sunnah. Dan antara tindakan yang mula-mula dilakukan ialah menghentikan amalan memukul beduk di masjid tersebut.¹

Pemikiran Shaykh Abu Bakar al-Ashaari adalah berbeza dengan ulama-ulama lain. Beliau telah meneroka satu pemikiran aliran yang baru pada zamannya. Apa yang diutarakan oleh beliau adalah penerokaan dalam bidang ijtihad dengan pengambilan hukum-hukum agama daripada al-Quran dan sunnah tanpa bertaqlid kepada mazhab tertentu. Konsep ini juga disentuh oleh ulama sebelumnya, seperti Shaykh Tahir Jalaluddin, Syed Shaykh Al-Hadi dan lain-lain.²

1. Abdul Rahman bin Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 23.

2. *Ibid.*, hlm. 108.

Sebagai seorang ulama beliau telah meninggalkan sumbangannya dalam bentuk penulisan buku dan risalah antaranya ialah Khutbah Jumaat, Soal Jawab Agama, Sejarah Anbia, Tafsir Juz Amma, Jawahir Bukhari, Kemerdekaan Berfikir dalam Islam (membasmi taklid), Panduan Puasa, Pergerakan Kaum Wanita dalam Islam, Ibadat Rasulullah, Puasa Rasulullah, Punca Peperangan Akal, dan beberapa lagi karya yang belum dapat dikesan kerana masih dalam bentuk manuskrip.¹

Demikianlah keadaan gerakan Islah di Perlis dari awal sehingga ke zaman kedatangan Jepun adalah dalam peringkat pembentukan. Dan sumber pemikirannya meskipun ada dikatakan pengaruh *Wahhabiyah* pada mulanya, tetapi ada juga sumber yang mengatakan ia berasal dari ajaran A. Hassan Bandung dan Shaykh Abu Bakar al-Ashaari. Dari ajaran dan tulisan kedua-dua tokoh di atas dapat mewarnakan aliran *Islah* di Perlis sehingga muncul kemudiannya apa yang dinamakan golongan ahli sunnah wal Jamaah Perlis.²

1. *Ibid.*, hlm. 109.

2. *Ibid.*, hlm. 24.

ii. Peringkat Kebekuan

Akibat pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu sejak bulan Disember 1941-1945, maka gerakan *Islah* di Perlis turut terancam dan mengalami kebekuan. Perkara ini berlaku kerana beberapa orang tokoh *Islah* yang memain peranan pada peringkat awal disisih dan dibuang kerja oleh pihak Raja Perlis yang baru Raja Syed Hamzah yang dilantik oleh pihak Jepun selepas berlaku perebutan kuasa.¹

Di antara tokoh-tokoh pembesar yang termasuk dalam senarai musuh-musuhnya ialah Haji Ahmad bin Muhammad, bekas Hakim Besar. Khabarnya beliau pernah ditahan oleh pihak Jepun, tetapi kerana kekurangan bukti tentang penglibatannya menentang Jepun, beliau dilepaskan. Dan bagi menampung hidupnya beliau bermiaga kecil-kecilan di samping bermiaga lembu.² Wan Ahmad Wan Daud dikatakan bermiaga lembu secara pawah serta mengisar padi.

-
1. Cendramata Jubli Perak Pemerintahan DYMM Tuanku Raja Perlis, 1971, tanpa halaman.
 2. Keterangan Ustaz Noordin Ismail, Anggota Majlis Fatwa Negeri Perlis, di rumahnya di Jalan Tok Peduka, Kangar, Perlis pada 5.5.1995.

Manakala Shaykh Abu Bakar al-Ashaari pula terpaksa berpindah ke Kedah dan berniaga di Pekan Rabu, Alor Setar. Antara jenis perniagaannya ialah membeli dan menjual beras serta berulang alik ke Padang Besar untuk mendapatkan gula.¹

Tokoh-tokoh tersebut di samping merupakan orang-orang penting dalam pentadbiran negeri Perlis sebelum itu, mereka juga merupakan tokoh-tokoh **Islah** yang ulung. Mereka dimusuhi oleh Raja Hamzah kerana dianggap menghalang baginda dari mendapat haknya sebagai bakal Raja Perlis juga kerana ajaran dan aliran perjuangan mereka itu dianggap sesat dan menyeleweng.²

Walau bagaimanapun seorang lagi tokoh **Islah** iaitu Shaykh Ahmad bin Mohd Hashim tidak disingkirkan. Pada masa pemerintahan Jepun beliau telah dilantik sebagai Pengurus Lembaga Bandaran Kangar, di samping masih tetap sebagai pemeriksa kira-kira di Jabatan Zakat dan Fitrah Perlis. Kerana itu beliau tidak dapat berbuat apa-apa dalam usaha mengukuhkan aliran **Islah** kerana beliau tinggal seorang diri dan terpisah dari teman-

-
1. Abdul Rahman Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 25-26.
 2. *Ibid.*, hlm. 26.

teman yang lain, tambahan pula Syed Hamzah sebagai raja Perlis waktu itu tidak menyenangi aliran baru itu.

Kerana sebab-sebab di atas gerakan *Islah* Perlis waktu penduduk Jepun mengalami kelumpuhan di peringkat pertumbuhannya, sedangkan sebelum itu pembesar-pembesar tersebut mendapat kebebasan dan tidak mendapat bangkangan dari Raja Syed Alwi. Maka apabila tokoh-tokoh tersebut diketepikan, dan yang ada pun tidak dapat berbuat apa-apa menyebabkan gerakan *Islah* yang mula bertunas itu tidak dapat tumbuh dengan baik, malah ia terus beku dan terbantut sepanjang zaman pemerintahan Syed Hamzah merajai negeri Perlis.¹

iii. Peringkat Perkembangan dan Terakhir

Setelah pihak Inggeris kembali semula menjajah Tanah Melayu pada tahun 1945, Raja Syed Hamzah melarikan diri ke Setol. Kemudian ke Pulau Pinang dan akhirnya ke Alor Setar dan mangkat di situ. Pihak Inggeris kemudiannya memanggil balik Raja Syed Putra yang melarikan diri ke Kelantan dan tinggal di sana bersama isteri dan keluarganya.

1. *Ibid.*, hlm. 27.

Setelah sampai di Perlis, Syed Putra disahkan menjadi Raja Perlis oleh pihak Inggeris pada 4 Disember 1945. Dengan kenaikan Syed Putra sebagai Raja Perlis, gerakan *Islah* mula pulih dan lebih mantap kedudukannya. Di antara faktor berlaku demikian kerana tokoh-tokoh "Tiga Mat" (Haji Ahmad Hakim, Wan Ahmad bin Wan Daud dan Shaykh Ahmad bin Mohd Hashim) dilantik sebagai Ahli Majlis Negeri.¹ Apabila Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis ditubuhkan pada tahun 1948, Haji Ahmad Hakim dilantik sebagai Yang Di Pertuannya yang pertama, di samping meneruskan tugas sebagai pengurus Jabatan Zakat dan Fitrah, manakala Wan Ahmad di samping dilantik sebagai Ahli Majlis Agama Islam Perlis beliau ditugaskan sebagai pemeriksa kira-kira bagi jawatankuasa zakat dan fitrah dan Shaykh Ahmad turut dilantik menjadi setiausaha jawatankuasa tersebut.²

Kedudukan tokoh-tokoh gerakan *Islah* yang dilantik menjadi pemimpin pentadbiran kerajaan dan juga hal ehwal Agama Islam Perlis, memudahkan lagi mereka melaksanakan program pembaharuan agama di Perlis. Misalnya dalam soal perlantikan imam-imam masjid, guru-guru agama dan sebagainya, mereka boleh mengutamakan

1. Cenderamata Jubli Perak, tanpa halaman.

2. Abdul Rahman bin Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 28.

orang-orang yang beraliran *Islah*.¹

Selain itu kerajaan Perlis mengadakan jawatan Inspektor agama yang bertugas memberi laporan kepada Yang Dipertua Majlis Agama Islam tentang perkara-perkara berikut:²

- (a) Kebajikan Masyarakat.
- (b) Perhubungan Keluarga.
- (c) Perlaksanaan Peraturan-peraturan Agama
- (d) Pengetahuan agama di kalangan Masyarakat
- (e) Keadaan tempat-tempat ibadat
- (f) Aktiviti ketua-ketua agama di sesuatu kawasan.

Dengan adanya Inspektor Agama yang akan mengawal aktiviti-aktiviti keagamaan di sesuatu tempat memudahkan pihak Majlis Agama Islam menjalankan program. Sekiranya terdapat sebarang tindakan yang bercanggah dengan polisi Majlis, pihak majlis akan cuba mengatas dan menyelesaikan melalui kuasa yang ada. Dengan pengawasan sedemikian aliran *Islah* dapat ditingkatkan dan aliran mazhab dapat dikurangkan.

1. *Ibid.*, hlm. 28-29.

2. *Ibid.*, hlm. 28-29.

Satu lagi faktor yang dianggap penting ke arah penonjolan gerakan **Islah** atau Ahli Sunnah Perlis ialah peranan yang dimainkan oleh Shaykh Abu Bakar al-Ashaari. Beliau dipanggil pulang oleh Haji Ahmad Hakim sendiri bagi memegang jawatan lamanya sebagai Imam Besar Masjid Alwiyyah. Beliau tidak putus-putus mengajak orang ramai mengamalkan sunnah, menjauhi bid'ah dan taklid. Bagi masyarakat Perlis ketika itu mereka dapat menerima ajaran-ajarannya tanpa banyak bangkangan, tetapi selepas beliau mengeluarkan fatwa mengharuskan makan biawak,¹ masyarakat menjadi gempar dan kecaman-kecaman terhadapnya mula meletus.²

Hasil dari usaha tokoh-tokoh **Islah** yang berterusan, maka negeri Perlis muncul sebagai satu-satunya negeri di Malaysia yang kuat berpegang kepada aliran **Islah** lebih-lebih lagi apabila beberapa orang tokohnya memasuki bidang politik dan menang dalam pilihanraya. Wan Ahmad bin Wan Daud setelah menang dalam pilihanraya tahun 1959 dilantik sebagai speaker pertama

-
1. Yang dimaksudkan dengan biawak di sini ialah **Dhab**, sejenis biawak di padang pasir seperti di Arab Saudi yang ada hadith mengharuskannya. Temubual dengan Ustaz Noordin Ismail di rumahnya pada 5.5.1995.
 2. Temubual dengan Ustaz Noordin Ismail di rumahnya pada 5.5.1995.

di Dewan Undangan Negeri Perlis dan Shaykh Ahmad bin Hashim pula dilantik menjadi Menteri Besar Perlis yang pertama melalui pilihanraya. Menteri Besar sebelumnya ialah Dato Laksamana Haji Mohd Razali bin Haji Ali Wasi.

Pada zaman Dato' Laksamana Haji Mohd Razali menjadi Menteri Besar, berlaku satu peristiwa penting bersejarah dalam gerakan *Islah* Perlis khususnya dan di Tanah Melayu amnya. Peristiwa itu ialah memasukkan pegangan Ahli Sunnah ke dalam undang-undang tubuh kerajaan negeri Perlis tahun 1959, iaitu pada perkara 17 yang menetapkan bahawa seorang raja yang akan dilantik hendaklah beraliran Islam yang beraliran "Ahli Sunnah wal Jamaah."¹ Demikian juga untuk melantik seorang Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja haruslah juga beraliran "Ahli Sunnah wal-Jamaah" (Perkara 3:1). Dan dalam menetapkan syarat seseorang waris diraja, dia hendaklah juga beraliran "Ahli Sunnah wal Jamaah" (Perkara 27).²

Tokoh-tokoh yang menandatangani Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis pada tahun 1959 itu ialah seperti berikut:³

-
1. Abdul Rahman bin Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 36. Ahli Sunnah di sini ialah Ahli Sunnah ala Perlis.
 2. *Ibid.*, hlm. 36.
 3. *Ibid.*, hlm. 36-37.

1. Syed Hussin bin Syed Zain Jamalullail (wakil Raja)
2. Dato Laksamana Haji Mohd Razali bin Haji Ali Wasi (Menteri Besar).
3. Haji Ahmad bin Haji Mohammad (Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis).
4. Wan Ahmad bin Wan Daud (Ahli Majlis Negeri).
5. Syakh Ahmad bin Mohd Hashim (Ahli Majlis Negeri).

Sewaktu Shaykh Ahmad bin Mohd Hashim menjadi Menteri Besar, usaha-usaha semakin giat dilakukan untuk memperkuatkan aliran "Ahli Sunnah wal Jamaah" ini, umpamanya pada tahun 1963 terdapat satu peruntukan undang-undang Pentadbiran Agama Islam menegaskan; (4) Majlis Agama Islam Perlis apabila mahu mengeluarkan fatwa dan jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya di bawah ceraian (2), maka hendaklah badan itu mengikut al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w.¹

Seterusnya pada tahun 1964 Shaykh Ahmad memerintahkan Tunku Yaakub yang menjadi penasihat Undang-undang Negeri Perlis masa itu supaya membuat draf

1. Othman Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1981, hlm. 45.

mewartakan "Ahli Sunnah wal Jamaah" sebagai aliran pegangan di Perlis. Undang-undang Negeri Perlis perkara 5(1) tercatat:

"Agama bagi Negeri (Perlis) ialah Agama Islam Ahli Sunnah wal-Jamaah seperti yang telah diamalkan di dalam Negeri."¹

Dari segi fatwa yang hendak dikeluarkan di Perlis, dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis, 1964, Bahagian 2, Ceraian 7(4) ada mencatatkan:

Tatkala Majlis mengeluarkan satu fatwa dan jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya, maka hendaklah badan itu mengikut al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. Tetapi sekiranya pendapat atau alasan-alasan itu berlawanan dengan faedah umum, maka majlis dan jawatankuasa Syariah hendaklah mempersemprehankan fatwa dan pendapat itu kepada Raja pemerintah untuk mendapatkan keputusan. (5) Pada mengeluarkan suatu fatwa di bawah fasal ini Majlis hendaklah mengambil ingatan terhadap Adat Istiadat Melayu yang terpakai dalam Negeri Perlis.²

Jadi dengan terkanunnya aliran "Ahli Sunnah wal-Jamaah" seperti yang disebut di atas, maka negeri Perlis dengan rasminya tidak terikat dengan mana-mana mazhab

1. Othman Ishak, *op.cit.*, hlm. 45.

2. *Ibid.*, hlm. 87.

samada Syafie, Maliki, Hanbali dan Hanafi. Tetapi ini bukan bererti mereka menolak semua pendapat imam-imam mazhab Ahli Sunnah yang empat itu. Peristiwa ini merupakan kemuncak gemilang bagi gerakan *Islam* Perlis yang tidak dicapai di negeri-negeri lain. Kuasa untuk mengembang aliran ini semakin kukuh melalui inspirasi Undang-undang Tubuh Negeri Perlis yang termaktub beserta dengan usaha dan sokongan dari pembesar-pembesar negeri.

Asas-asas aliran Ahli Sunnah yang sudah ada itu dikuatkan lagi dengan usaha beberapa orang tokoh yang datang kemudiannya ke Perlis. Di antara tokoh tersebut yang terkemuka ialah Tuan Haji Ismail bin Haji Mahmud, atau lebih dikenali dengan nama Shaykh Noor al-Surur. Beliau dari keturunan Arab Hadramaut, dilahir pada tahun 1911 di Pulau Pinang dan pernah menuntut di Mekkah selama 8 tahun, kemudian 8 tahun lagi di *Dar al-Hadith* di Madinah. Lepas itu berkhidmat sebagai hakim di Mahkamah Tinggi di Mekkah beberapa tahun, kemudian berhijrah dan menetap di Perlis. Di Perlis beliau mula mengajar di madrasah al-Falah, Mata Ayer sekitar tahun 1950-an. Lepas itu beliau mengajar di beberapa tempat di negeri Perlis. Akibat kesakitan mata pada tahun 1970-an, beliau menetap di Kampung Kersik, Mata Air dan terus mengajar di situ sehingga meninggal dunia pada tahun

Semasa hayatnya, Shaykh Noor memberi kepercayaan kepada seorang muridnya Haji Abdullah bin Mohd Ali dan pernah meminta beliau membantunya mengajar apabila beliau keuzuran.²

Selain itu seorang lagi tokoh terkenal ialah Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail, yang pernah mendapat pendidikan di Madrasah al-Masyhur, Pulau Pinang dan di Madrasah Alwiyyah Arau Perlis dan pernah menjadi guru bahasa Arab di Madrasah Alwiyyah selama 25 tahun. Kemudian beliau dilantik sebagai Pemangku Mufti Perlis (1972-1984) di samping menjadi Imam Besar Masjid Alwi selama lebih kurang 15 tahun sehingga sekarang.³

Selain tokoh-tokoh tersebut, ada lagi tokoh-tokoh lain yang masih hidup dan masih cergas menjalankan dakwah *Islahnya* seperti Ustaz Ahmad Yusoff Amin yang mendapat kelulusan B.A. dari Universiti al-Azhar dan M.A

-
1. Temubual dengan Haji Abdullah bin Mohd Ali di Mata Air, pada 4.5.1995.
 2. Temubual dengan Haji Abdullah bin Mohd Ali di Pusat Islah Mata Air, pada 5.5.1995.
 3. Abdul Rahman bin Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 42-43. Sewaktu penulis membuat kajian awal bulan Mei 1996 yang lepas didapati beliau dalam keuzuran kerana tua.

dari Universiti Temple Amerika dan sekarang ini beliau menjadi pensyarah di Institut Teknologi Mara (ITM) Cawangan Perlis. Di samping menjadi seorang Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis beliau dianggap sebagai seorang tokoh muda Ahli Sunnah. Begitu juga dengan Ustaz Noordin bin Ismail salah seorang Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Haji Abdullah bin Mohd Ali anak murid kepada Shaykh Noor al-Surur dan Yang Dipertua Persatuan Islah Perlis yang baru dan ramai lagi tokoh-tokoh lain.¹

Gerakan sunnah Perlis seperti juga gerakan Islam yang lain, terpaksa berhadapan dengan cabaran dan masalah semasa. Tokoh-tokoh *Islah* merasakan perlunya ditubuhkan satu organisasi yang teratur. Organisasi itu akhirnya ditubuhkan hasil dari cetusan idea Shaykh Noor. Persatuan ini dinamakan "*Persatuan al-Islah Perlis*".

Persatuan al-Islah Perlis telah didaftarkan dengan rasminya pada 18 Mac 1965 dengan Pendaftaran Pertubuhan. Kemudian persatuan ini mendapat pengiktirafan dari Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Perlis pada 20 Ogos 1989. Persatuan ini dianggap sebagai

1. Temubual penulis dengan tokoh-tokoh tersebut pada 4-5 Mei 1995.

sebuah organisasi yang mendokong kuat ideologi *Islam*.¹

Gerakan *al-Islah* Perlis terus berkembang dan mengadakan program melalui persatuan ini. Antara pemimpin tempatan yang terlibat secara langsung dengan Persatuan *al-Islah* ialah Datuk Ali Haji Ahmad,² bekas Menteri Besar Perlis. Beliau adalah orang yang memainkan peranan penting dalam menggubal Undang-undang Tubuh Persatuan tersebut. Salah satu usaha terbesar yang dilakukan oleh *Persatuan al-Islah* ialah mengadakan Ijtima' Sunnah yang pertama pada 9 - 10 Februari 1986 di Masjid Alwi, Kangar, Perlis. Perhimpunan ini dirasmikan oleh Menteri Besar Perlis pada ketika itu Datuk Ali Hj. Ahmad dan Y.T.M Tunku Raja Muda Perlis serta ditutup oleh Datuk Radzi Shaykh Ahmad, Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu. Dianggarkan seramai dua ribu orang menghadiri Ijtima' tersebut, dan pesertanya datang dari semua negeri di Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand. Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan dalam perhimpunan itu.³

-
1. Temubual dengan beberapa orang tokoh *al-Islah* seperti Haji Abdullah bin Mohd Ali, Haji Noordin bin Ismail dan Ustaz Ahmad Yusof Amin, pada 4-5 Mei 1995.
 2. Meninggal dunia pada 12 Januari 1991.
 3. Ijtima' Sunnah Perlis, Lima Kumpulan Kertas Kerja, anjuran *Al-Islah* Perlis, 1986.

Kejayaan Ijtima' Sunnah yang pertama ini telah disusuli dengan ijtima' yang kedua pada 17 - 18 Februari 1988 di tempat yang sama, disertai oleh hampir seluruh gerakan *Islah* di Asia Tenggara termasuk Indonesia, Singapura dan Thailand. Ijtima' ini telah dirasmikan oleh Y.T.M. Raja Muda Perlis selaku Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Negeri Perlis. Ijtima' kali kedua ini dihadiri oleh tiga ribu orang peserta.¹

Gerakan Ahli Sunnah Perlis yang bergerak melalui Persatuan *al-Islah* berpusat di Kampung Kersek, Mata Ayer mempunyai keahliannya yang agak ramai juga dan satu perkembangan terkini yang agak menarik, gerakan *Islah* Perlis kini mampu memiliki sebuah markas baru yang telah siap dibina dan boleh digunakan terletak di Jalan Mata Ayer, Perlis.²

Dakwah untuk menyedarkan dan mengembalikan masyarakat Perlis kepada ajaran al-Quran dan Sunnah sentiasa berjalan. Ditinjau dari perjalanan dakwah golongan *Islah* atau Ahli Sunnah, seperti juga pertubuhan Islam lain, dakwahnya disampaikan melalui ceramah dan

-
1. Temubual dengan Ustaz Noordin bin Ismail, pada 8.5.1996 dan Ustaz Hj Salleh bin Hj Abdullah pada 9.5.1996.
 2. Penulis sendiri pernah datang melawat pusat ini, pada 5.5.1995 dan pada 7 dan 8 Mei 1996.

kuliah di masjid tertentu yang dapat menerima fahaman ini, misalnya Masjid Negeri di Arau, Masjid Alwi di Kangar dan juga di Pusat **al-Islah** Mata Ayer dan lain-lain lagi. Penekanan utama adalah dalam aspek Tauhid dan Ibadah serta pembasmian Bid'ah.

Ustaz Noordin bin Ismail menyebut bahawa gerakan **Islah** atau Ahli Sunnah Perlis tidak terlepas dari pelbagai masalah. Sikap pemerintah yang ada sekarang tidak sama dengan pembesar negeri dahulu yang begitu prihatin dengan masalah golongan Ahli Sunnah. Faktor ini menyebabkan kesukaran untuk mengubah mentaliti masyarakat. Beliau menganggarkan hanya 30% dari penduduk Islam Perlis yang menerima fahaman ini. Kawasan yang paling ramai ialah di bahagian Perlis Utara. Manakala di bahagian Perlis Selatan yang bersempadan Negeri Kedah masih kuat berpegang kepada mazhab Syafie.¹

Yang menjadi masalah besar kepada Ahli Sunnah Perlis pada masa ini ialah anak-anak mereka dan mudamudi yang belajar di sekolah kerajaan, mereka diajar ajaran fekah mazhab Syafie dan tauhid sifat dua puluh

1. Temubual dengan Ustaz Noordin bin Ismail, pada 8.5.1996.

ala tauhid Asyairah. Sedangkan di rumah, ibubapa mereka yang tahu mengenai Ahli Sunnah mengajar anak-anak mereka ajaran yang berbeza sekali dengan apa yang dipelajari di sekolah. Ini menjadi satu persoalan bagi mereka.

Demikianlah sejarah ringkas kelahiran dan perkembangan Ahli Sunnah Perlis dari awal pembentukannya sampai ke hari ini. Yang jelas bahawa pengikut golongan ini ada kira-kira 30% sahaja dari penduduk Islam Negeri Perlis, manakala 70% lagi, mengikut mazhab Syafie.

D. PEMIKIRAN AHLI SUNNAH PERLIS

Pada umumnya pemikiran Ahli Sunnah Perlis sama seperti pemikiran masyarakat Melayu Islam di Malaysia yang lain kecuali penekanan dan tumpuan mereka yang lebih dan berbeza pada beberapa perkara tertentu. Contohnya mereka mahu kembali kepada al-Quran dan Sunnah, tidak bertaklid kepada sesuatu mazhab tertentu, mereka menolak perkara-perkara bid'ah dan khurafat, penumpuan kepada tauhid aliran *Salafiyyah*, mengamalkan cara sembahyang seperti Rasulullah s.a.w. dan mengurus jenazah seperti yang dilakukan oleh baginda serta menolak amalan talkin orang mati, tunggu kubur, kenduri arwah, tahlil dan lain-lain lagi.

Di bawah ini penulis ingin menjelaskan pemikiran mereka yang tersebut di atas secara lebih terperinci supaya dapat diketahui sejauhmana ada perbezaan dengan apa yang dilakukan oleh golongan lain khususnya yang bermazhab Syafie.

(a) Kembali Kepada Al-Quran dan Sunnah

Seruan untuk kembali kepada al-Quran dan Sunnah adalah satu agenda yang terpenting dalam gerakan Ahli Sunnah Perlis, bahkan ia merupakan satu slogan yang

selalu digunakan dan disebut-sebut. Kedua-dua perkara ini juga menjadi dasar Persatuan Islah Perlis.¹

Ustaz Othman bin Muhammad salah seorang tokoh Ahli Sunnah Perlis sewaktu membentang kertas kerjanya pada tahun 1988 menjelaskan sikap Ahli Sunnah Perlis terhadap al-Quran dan sunnah. Katanya:

"Ahli sunnah ialah satu kumpulan atau golongan yang berpegang kepada ajaran al-Quran dan Sunnah sepetimana amalan yang dilakukan oleh para sahabat dan tabiin tanpa melakukan bid'ah."²

Manakala dalam pentadbiran Undang-undang Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis tahun 1964 perkara 7(4). Bab fatwa, memperuntukkan fasal supaya majlis fatwa apabila ingin mengeluarkan fatwa mestilah dirujuk kepada al-Quran dan sunnah Rasulullah, bukan kepada pendapat imam-imam mazhab yang ada. Peruntukan ini menyebut:

"Tatakala majlis mengeluarkan satu fatwa dan jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya di bawah ceraian

-
1. Perlembagaan Persatuan al-Islah Perlis, t.t., hlm. 1.
 2. Ustaz Othman bin Muhammad, *Konsep Ahli Sunnah wal-Jamaah*, Kertas Kerja dibentang dalam Kursus Pegawai-pegawai Masjid Negeri Perlis, 1988, hlm. 4.

(2), maka hendaklah badan itu mengikut al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w."¹

Selain itu sewaktu menjelaskan maksud Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis, undang-undang tubuh menyebut, "Mereka ialah golongan yang berpegang kepada al-Quran, sunnah Rasulullah dan pendapat para sahabat.²

Mereka lakukan ini kerana al-Quran dan Sunnah merupakan sumber hukum utama dalam Islam. Umat Islam tidak mempunyai pilihan lain untuk menghayati ajaran Islam yang sebenar melainkan mesti kembali kepada kedua-dua sumber asli itu terlebih dahulu. Rasulullah s.a.w. bersabda:³

ترکت فیکم أُمّرِينَ لَنْ تَضْلُّوا مَا تَمْسَكْتُمْ بِهِما كِتَابُ اللَّهِ وَسُنْنَةُ رَسُولِهِ

-
1. Undang-undang Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 1964, hlm. 5.
 2. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Keputusan Fatwa mengenai Ahli Sunnah wal-Jamaat, hlm. 1.
 3. Ibn al-Athir al-Jazari, *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul*, jld. 1, Matba'ah al-Malah, 1969M.-1389H., jid. 1, hlm. 277.

Maksudnya:

"Aku tinggal pada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama-lamanya selagi kamu berpegang kepada kedua-duanya iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunnah RasulNya."

Hadith di atas menunjukkan bahawa ajaran yang ditinggalkan oleh Nabi kita Muhammad s.a.w. yang boleh dijadikan pedoman hidup hanya dua perkara iaitu al-Quran dan hadith, jika kedua-dua dipegang dengan teguh oleh setiap umat Islam mereka tidak akan sesat dari jalan yang benar dan lurus buat selama-lamanya.

Walaupun ahli Sunnah Perlis memberi tumpuan mahu kembali kepada al-Quran dan Sunnah tetapi apa yang penulis nampak ialah tumpuan yang mereka lakukan tidak menyeluruh kepada semua aspek kehidupan mereka. Bahkan mereka banyak mengutamakan di dalam beberapa bidang tertentu sahaja seperti mengenai tauhid, perkara ibadat seperti cara mengambil wuduk, menunaikan sembahyang lima waktu dan cara membaca wirid selepas sembahyang, cara menunaikan sembahyang Jumaat, perkara mengenai urusan jenazah, termasuk tidak ada talkin, tahlil, kenduri arwah, tunggu kubur, larangan membina binaan di atas kubur dan seumpamanya. Selain itu waktu diadakan majlis perkahwinan, mereka tidak mengadakan upacara persandingan atau naik pelamin, menyuapkan nasi

semangat, merinjis tepung tawar kepada kedua-dua mempelai, tidak seperti yang biasa dilakukan di tempat-tempat lain di seluruh Malaysia. Mengenai perkara-perkara yang disebut di atas kita nampak golongan Ahli Sunnah Perlis menghayati panduan ajaran al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Manakala dalam penghayatan Islam yang sebenar dalam bidang-bidang lain lagi, nampaknya masih jauh.¹

(b) **Menolak Taklid Kepada Mazhab**

Oleh kerana Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis mengajak kepada berpegang kepada al-Quran dan Sunnah, mereka menolak **bertaklid** kepada mana-mana mazhab Fekah walaupun mazhab itu mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah seperti mazhab Syafie yang menjadi ikutan ramai umat Islam di Malaysia, atau mazhab Maliki, Hanafi dan Hanbali. Tokoh-tokoh Ahli Sunnah Perlis selalu menyebut, mereka menolak **taklid**, tetapi tidak menegah **ittiba'** kepada mazhab empat.²

-
1. Dari pengamatan penulis sewaktu membuat kajian pada 4.5.1995 dan awal bulan Mei 1996 yang lepas.
 2. Ahmad Yusof Amin, *Taklid Dan Kesan-kesannya Terhadap Perkembangan Fikiran dan Ilmu Pengetahuan*, t.t., hlm. 22.

Bagi mereka walaupun pada lahirnya kedua-dua perkataan **taklid** dan **ittiba'** itu bermakna "mengikut" tetapi pada hakikatnya kedua-dua perkataan itu mempunyai perbezaan yang jelas. **Taklid** bererti mengikut pendapat seseorang tanpa pengetahuan dan bukti bahkan sebagai pak turut semata-mata seperti mengikut datuk nenek tanpa hujjah atau mengikut sesuatu pendapat tanpa ilmu. Ini dikatakan **taklid** buta¹ sepetimana kaum Nabi Ibrahim bertaklid kepada datuk nenek mereka menyembah berhala yang dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya:²

اذ قال لأبيه وقومه ما هذه التماثيل التي أنتم لها ع肯فون قالوا وجدنا اباءنا لها عبدين

Maksudnya:

"(Ingatlah) ketika Ibrahim berkata kepada bapa dan kaum-kaumnya, "Patung apakah ini yang kamu tekun beribadat kepadanya?" Mereka menjawab "Kami dapat datuk nenek kami menyembahnya".

Manakala **ittiba'** - mengikut mereka - diguna bagi dua makna, pertama mengikut apa yang diturunkan oleh Allah Taala melalui wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w. Keduanya mengikut suruhan Rasulullah s.a.w. Atau

-
1. *Ibid.*, hlm. 23-24. Dr. Wahbah al-Zuhaily, *Usul al-Fiqh al-Islam*, cet. 1, jid. 2, Dar al-Fikr, Damsyik, 1986M-1406H., hlm. 1120.
 2. Surah al-Anbia, ayat 52-53.

dengan kata lain *ittiba'* ialah mengikut pendapat seseorang yang disertakan dengan dalil yang kuat samada dari ayat al-Quran, Sunnah Nabi atau Sunnah sahabat.¹

Bagi menguatkan pendapat di atas, Ustaz Ahmad Yusuf Amin memetik pendapat Abu Abdullah Ibn Khawas Mandad al-Basri al-Maliki tentang perbezaan antara *taklid* dan *ittiba'* Abu Abdullah menyebut:

"Sesiapa yang kamu ikuti kata-kata seseorang tanpa kamu mempastikan ada dalil untuk menerimanya, maka kamu adalah orang yang mentaklidkan dia (*bertaklid* kepadanya), sedang *bertaklid* di dalam agama Allah tidak sah (tidak boleh). Dan sesiapa yang kamu pastikan ada dalil bagi kamu untuk mengikut pendapatnya, maka kamu adalah *ittiba'*nya atau yang mengikutnya, sedangkan *ittiba'* dalam agama adalah diterima (dibolehkan) manakala *taklid* ditegah."²

Dari petikan pendapat Abu Abdullah al-Basri al-Maliki itu jelas menunjukkan sesiapa yang mengikut seseorang secara *taklid* adalah ditegah oleh Islam, adapun *ittiba'* memang disuruh dan dibolehkan. Jadi *bertaklid* kepada seseorang tertentu pada anggapan Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis adalah ditegah walaupun mazhab itu mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah seperti mazhab Hanafi,

-
1. Ahmad Yusof Amin, *op.cit.*, hlm. 22.
 2. Ahmad Yusof Amin, *op.cit.*, hlm. 25.

Syafie, Hanbali dan Maliki.

Tokoh mereka ada menyebut bahawa imam-imam mazhab empat tidak pernah menyuruh murid-muridnya **bertaklid** mengikut mereka, bahkan imam-imam tersebut menegah murid-muridnya berbuat demikian apabila pendapatnya bercanggah dengan **nas** al-Quran dan Sunnah Nabi yang sahih.

Ustaz Othman bin Muhammad, dalam kertas kerja yang disebut di atas menyebut:

"Kita ketahui bahawa keempat-empat imam mazhab tidak terkeluar daripada pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah iaitu berpegang dengan al-Quran dan Sunnah. Kalau sekiranya berpegang kepada mazhab itu wajib, tentulah imam-imam mazhab itu sendiri berpegang kepada mazhab (pendapat) guru mereka, kerana Imam Syafie berguru dengan Imam Syaibani, murid Imam Abu Hanifah dan Imam Syafie juga berguru dengan Imam Malik. Begitu juga Imam Ahmad Ibn Hanbal berguru dengan Imam Syafie. Jadi berpegang kepada sesuatu mazhab itu bukanlah wajib bahkan tidak boleh berbuat demikian."¹

1. Ustaz Othman bin Muhammad, **Konsep Ahli Sunnah wal-Jamaah**, Kertas Kerja dibentang dalam Kursus Pegawai-pegawai Masjid Negeri Perlis, 1988, hlm. 4.

Walaupun mereka menolak **taklid**, ini bukanlah bererti mereka menolak terus pendapat imam-imam mazhab atau memperkecil-kecilkan mereka. Ahli Sunnah Perlis tetap menghormati imam-imam mazhab dan menyanjung pendapat mereka serta menerima mereka, cuma mereka tidak terikat dan bertaklid kepada pendapat imam-imam tersebut kecuali apabila pendapat itu disertakan dengan dalil yang kuat. Sebab itu dalam buku "Keputusan Fatwa Mengenai Ahli Sunnah wal Jamaah", mereka memberi pengiktirafan kepada keempat-empat mazhab Ahli Sunnah.

Buku itu menyebut:

"Majlis (Agama Islam) tidak terikat dengan mana-mana mazhab tertentu. Di dalam mazhab yang manapun, yang jelas dan nyata pendapat mereka itu (diambil) dari kitab Allah atau Sunnah RasulNya atau (dari) jemaah sahabat Rasulullah s.a.w., maka majlis sedia menerima dan beramal dengannya. Adapun mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali pada pandangan rasmi Majlis adalah terhitung dalam mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong dalam istilah Ahli Sunnah wal-Jamaah. Majlis Islam Perlis memang berpandu kepada mazhab-mazhab itu dan mengambil pendapat-pendapat mereka yang ada alasan dari al-Quran, sunnah dan jemaah sahabat Rasulullah s.a.w."¹

1. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, *op.cit.*, hlm. 1-2.

Dari petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa Ahli Sunnah Perlis mengaku berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dan juga Sunnah para sahabat. Mereka tidak terikat atau **bertaklid** kepada mana-mana mazhab lebih-lebih lagi semasa mengeluarkan fatwa. Walaupun begitu mereka menganggap mazhab-mazhab empat tersebut adalah dari golongan ulama Ahli Sunnah wal Jamaah. Kerana itu mereka mengambil mana-mana pendapat imam mazhab tersebut yang berasaskan kepada dalil al-Quran dan sunnah.

Sikap Ahli Sunnah Perlis sedemikian rupa, kemudian ditambah pula dengan peruntukan dalam Undang-undang Tubuh Negeri Perlis menyebabkan mereka berbeza sekali dengan penduduk Islam di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia yang menjadikan mazhab Syafie sebagai rujukan utama mengenai hukum syarak.

Tokoh-tokoh Ahli Sunnah Perlis menyebut bahawa imam-imam mazhab empat sendiri melarang keras pengikut-pengikutnya dari **bertaklid** kepada mereka dan mereka mencela mana-mana orang yang mengambil pendapat tanpa melihat kepada hujjah-hujjah dan dalil yang dibawanya.

Ustaz Ahmad Yusof Amin memetik pendapat beberapa orang imam mazhab yang melarang **bertaklid** antaranya,

Imam Syafie berkata:¹

"Berbanding orang yang menuntut ilmu tanpa (mengetahui) hujjah atau dalil, sama seperti pencari kayu api pada waktu malam, dia memikul seberkas kayu api, di dalam berkas itu ada seekor ular yang akan mematuknya sedangkan dia tidak sadar."

Di tempat lain Imam Syafie menyebut:

"Setiap apa yang aku kata, sedangkan hadith Nabi s.a.w. (menyebut) berbeza atau bertentangan dengan kataku, maka hadith Nabi s.a.w. lebih utama (diterima) maka jangan kamu **bertaklid** aku."²

Imam Ahmad Ibn Hanbal juga berpendirian sama seperti Imam Syafie. Beliau mlarang pengikut-pengikutnya dari **bertaklidkan** beliau. Katanya:

"Jangan kamu **bertaklidkan** aku, jangan bertaklid kepada Imam Malik, Imam Syafie, al-Auziae al-Thauri bahkan ambillah dari mana tempat mereka itu ambil."³

-
1. Ahmad Yusof Amin, *op.cit.*, hlm. 31. Dr. Wahbah al-Zuhaily, *op.cit.*, jid. 2, hlm. 1,130.
 2. *Ibid.*, hlm. 31-32, Dr. Wahbah al-Zuhaily, *op.cit.*, jid. 2, hlm. 1130.
 3. Ahmad Yusof Amin, *op.cit.*, hlm. 32.

Dari petikan-petikan pendapat imam-imam mazhab yang dibawa oleh Ustaz Ahmad Yusof Amin, seorang tokoh Ahli Sunnah Perlis itu, jelaslah bahawa imam-imam mazhab yang begitu luas ilmu pengetahuannya menolak dan melarang pengikut-pengikutnya dari **bertaklid** kepada mereka. Jadi berpandukan kepada pendapat imam-imam mazhab di atas dan kepada dalil-dalil lain lagi, Ahli Sunnah Perlis melarang taklid kepada mana-mana imam mazhab.

(c) **Tumpuan Kepada Tauhid Aliran Salafiyyah**

Dilihat dari segi urutan utamanya, akidah memangnya menduduki tempat yang terpenting dan paling asas dalam Islam, kerana itu dalam perjuangan tokoh-tokoh **Islam** dan **tajdid** di sepanjang zaman, persoalan akidah menjadi tumpuan utama dan istimewa sekali.

Bagi golongan Ahli Sunnah Perlis, didapati mereka juga mengambil berat perkara-perkara ini. Pemikiran akidah mereka tidak sama dengan pemikiran umat Islam lain di Malaysia yang rata-rata mengikut akidah **Asyariah**.¹ Pengikut Ahli Sunnah Perlis berpegang

1. Golongan umat Islam yang bermazhab Syafie yang ramai di Malaysia pada umumnya berakidah **Asyariah** kerana terpengaruh dengan bawaan Akidah Abu Hassan al-Asyari, tetapi beliau sendiri di akhir hayatnya kembali kepada akidah Salaf, lihat **al-Ibanah An-Usul al-Diyarah**, tahqiq Jamal Ibn Muhammad al-Ansari, al-Jamiah al-Islamiyyah, Madinah, 1405H., hlm. 10.

kepada akidah aliran ***Salafiyyah*** seperti yang dipegangi oleh para sahabat, tabiin dan tabi al-tabiin juga seperti yang diajar oleh Ibn Taimiyyah, oleh Ibn al-Qaiyyum, dan diperkembangkan oleh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab.

Golongan ***Salafiah*** menjelaskan bahawa cara beriman kepada sifat-sifat Allah ialah beriman sepertimana yang disifatkan oleh Allah dalam al-Quran dan oleh Nabi Muhammad s.a.w. di dalam hadith sahihnya.¹ Imam Ahmad Ibn Hanbal ada menjelaskan perkara ini katanya:

"Jangan disifatkan Allah Taalah kecuali dengan apa yang disifatkan oleh Allah dan RasulNya dan jangan melebihi apa yang disebut oleh al-Quran dan hadith RasulNya."²

Banyak kitab akidah karangan tokoh-tokoh ***Salafiah*** termasuk kitab-kitab karangan tokoh-tokoh di atas menjadi rujukan utama golongan Ahli Sunnah Perlis, seperti kitab al-"***Aqidah al-Wasitiyyah***" karangan Ibn Taimiyyah, kitab ***Syarah al-Aqidah al-Tahawiyyah*** karangan Ibn Abd al-Izzi, kitab "***Tawhid***" karangan Muhammad Ibn

-
1. Telah disebut dalam bahagian akidah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab di atas. Dr. Muhammad Ibn Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 44.
 2. Dr. Ahmad Naim Yasin, *op.cit.*, hlm. 21.

Abd al-Wahhab dan lain-lain kitab lagi.¹ Selain itu kitab "Al-Tauhid" karya A. Hassan Bandung juga menjadi rujukan mereka.²

Akidah salaf yang dipegang oleh Ahli Sunnah Perlis didapati ada beberapa perkara yang berbeza dengan akidah **khalaf** atau akidah **Asyairah** antaranya:

(a) Mengenai sifat-sifat Allah yang dipanggil sifat-sifat **Khabariah** iaitu sifat-sifat yang pada zahirnya nampak ada persamaan dengan sifat-sifat makhluq seperti sifat **Yad**, **Wajh**, **Istiwa'**, **Nuzul** dan seumpamanya. Maka semua sifat itu **diistibatkan** kepada Allah seperti yang disebut dalam al-Quran dan hadith tanpa **ditasybih**, **ditamthil** dan tanpa **dita'til**, juga tanpa **dita'wil** yakni tanpa memalingkan erti sifat-sifat itu yang sebenar kepada erti yang lain, dan tanpa menafi sifat-sifat yang disifatkan

-
1. Temubual dengan Haji Abdullah bin Haji Muhammad Ali, Yang Dipertua Persatuan al-Islah Perlis, pada 5.5.1995 dan dengan Ustaz Ahmad Yusof Amin pada 5.5.1995.
 2. Abdul Rahman bin Haji Abdullah, *op.cit.*, hlm. 55.

olehNya dan oleh Rasulullah s.a.w.¹ Ini berbeza dengan pandangan golongan **Asyairah**. Mereka menta'wil semua sifat-sifat tersebut kepada erti yang lain seperti menta'wil sifat **Yad** kepada kekuasaan Allah, sifat **Wajh** kepada zatNya, **Istiwa'** kepada **Istila'** atau menguasai, **Nuzul dita'wil** kepada turunnya nikmat atau malaikat Allah dan begitulah seterusnya sifat-sifat lain lagi.²

- (b) Perkara kedua yang nampak ada perbezaan antara kitab akidah **Salaf** dengan **Khalaf** aliran **Asyairah** ialah kitab-kitab **Salaf** tidak ada menjelas mengenai sifat dua puluh sepertimana yang disebut dalam kitab-kitab akidah **khalaf Asyairah**. Kitab akidah **Salaf** tidak ada menyebut bahawa setiap orang Islam wajib beriman dengan dua puluh sifat, iaitu **wujud**, **Qidam**, **Baga'**, **Mukhalafatuhi lil-hawadith**, **Qiyamuhi bi Nafsihi**, **Wahdaniyyah**, **Qudrat**, **Iradat**, **Ilmu**,

-
1. Lihat kitab-kitab seperti kitab "**Hazihi 'Aqidah al-Salaf wa al-Khalaf**, oleh **Ibn Khalifah 'Alawi'u dan Kitab al-Ibanah An Usul al-Dianah**, oleh Imam Abu Hassan al-Asyari dan lain-lain.
 2. Lihat Kitab Akidah Khalaf seperti kitab **Tahqiq al-Maqam 'Ala Kifiayah al-'Awam fi Ilm al-Kalam**, Matbaah Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir, 1341H, hlm. 37.

Hayat, Sama', Basar, Kalam, Kaunuhu Qadiran, Kaunuhu Muridan, Kaunuhu Hayyan, Kaunuhu Sami'an dan Kaunuhu Mutakalliman.

Sedangkan dalam kitab-kitab akidah ***khala*f Asyairah** pada umumnya menyebut sifat-sifat dua puluh seperti di atas dan lawan-lawannya sekali dengan ditil.¹ Juga dibahagikan sifat itu kepada empat bahagian: Pertama sifat ***Nafsiyyah***, iaitu sifat wujud, kedua sifat ***Salbiyyah*** iaitu ***Qidam, Baqa, Mukhalafatuhu Taala lil-hawadith, Qiyamu*** ***bi Nafsih*** dan ***Wahdaniyyah***. Ketiganya sifat ***Ma'ani*** iaitu ***Qudrat, Iradat, Ilmu, Hayat, Sama', Basar*** dan ***Kalam***. Manakala bahagian keempat dipanggil sifat ***Ma'nawiyyah*** iaitu sifat-sifat ***Kaunuhu Qadiran, Kaunuhu Muridan, Kaunuhu Aliman, Kaunuhu Hayyan, Kaunuhu Sami'an*** dan ***Kaunuhu Mutakalliman***.²

-
1. Lihat kitab-kitab akidah Khalaf seperti ***al-Syargawi 'Ala al-Hudhudī***, 'Ala al-Sanusiyah, Maktabah Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang, t.t., hlm. 45-93.
 2. ***Ibid.***, Dr. Muhammad Said Ramadhan al-Buti, ***Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah***, cet. 5, Dar al-Fikr, 1397H, hlm. 115-145.

(c) Perbezaan ketiga ialah kitab-kitab akidah **Salaf** tersebut membahagikan tauhid kepada tiga jenis. Pertama Tauhid **Rububiyyah**, kedua Tauhid **Asma** dan **sifat** ketiganya Tauhid **Uluhiyyah** atau Tauhid **Ubudiyyah**. Ketiga jenis tauhid ini diyakini oleh Ahli Sunnah Perlis.¹ Pembahagian tauhid kepada tiga jenis seperti di atas telah diperkenalkan oleh Ibn Taimiyyah dan Ibn al-Qaiyyim, kemudian dikembangkan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikutnya.²

Pembahagian sebegini di akhir-akhir ini telah diterima oleh ramai ulama seperti Dr. Abd. Karim Zaidan dalam kitab "**Usul al-Da'wah**"nya,³ Dr. Ahmad Naim Yassin dalam kitabnya "**Kitab al-Iman Arkanuhu Haqiqatuhu**"⁴ dan lain-lain lagi.

-
1. Temubual dengan Haji Abdullah bin Haji Muhammad Ali di Markas al-Islah, Mata Air, pada 5.5.1995.
 2. Lihat pembahagian tauhid oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sebelum ini (dalam Bab II).
 3. Maktabah al-Manar al-Islamiyyah, Baghdad, cet. 3, 1976M - 1396H, hlm. 18-20.
 4. Maktabah al-Turath al-Islami, Kahirah, hlm. 9-23.

Ketiga-tiga ciri akidah ***Salafiah*** yang diperkenal semula oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab di abad kelapan belas masihi itu, terus dihayati oleh golongan Ahli Sunnah Perlis setelah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh awal mereka yang terpengaruh kepada ajaran Muhammad Ibn Abd Wahhab sama ada dengan melalui tokoh dari Arab Saudi atau melalui tokoh-tokoh yang datang dari India dan Indonesia.¹

Di sini jelas ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dapat mempengaruhi Ahli Sunnah Perlis.

(d) **Cara Bertawassul**

Satu lagi perkara penting yang ditekankan oleh Ahli Sunnah Perlis ialah mengenai cara bertawassul. Mereka berpendapat bertawassul atau memohon sesuatu melalui perantaraan memang dibolehkan kerana diharuskan oleh syarak, tetapi mereka hanya mengharuskan bertawassul dengan tiga jenis sahaja; pertama dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah yang ***al-Husna***, kedua, dengan perantaraan amalan-amalan salleh yang dikerjakan juga dengan iman kepada Allah dan Rasul-rasulNya seperti yang dilakukan oleh tiga orang umat yang terdahulu yang

1. Akan diterang selepas ini.

terperangkat di dalam gua. Setelah mereka masing-masing bertawassul dengan amalan salleh yang dikerjakan dan dengan iman kepada Allah, akhirnya batu besar yang menutup pintu gua pun terbuka dan mereka bertiga dapat keluar dengan selamatnya.¹

Tawassul ketiga yang dibolehkan oleh Ahli Sunnah Perlis ialah dengan meminta dari orang salleh yang masih hidup supaya tolong berdoa kepada Allah supaya Allah memperkenankan permohonannya.²

Adapun bertawassul dengan perantaan roh si mati atau dengan *jah* dan hak atau pangkat seseorang yang telah mati, mereka menolaknya kerana tawassul ini dianggap tawassul bid'ah yang tidak dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan oleh *salafus al-salleh*.³

Ini berbeza dengan pendapat setengah golongan seperti golongan sufi yang mengharuskan bertawassul jenis ini, kerana dikatakan orang mati itu badannya

-
1. Cerita ini telah dijelaskan dalam bab terdahulu.
 2. Temubual dengan Ustaz Noordin Ismail pada 8.5.1996 dan dengan Ustaz Dahlan bin Mohd Zain pada 7.5.1996.
 3. *Ibid* dan juga temubual dengan Ustaz Hj Salleh bin Hj Abdullah pada 9.6.1996.

sahaja yang rosak dan hancur sedangkan rohnya tetap hidup tidak mati, kerana itu boleh bertawassul dengannya. tambahan pula mereka menganggap bertawassul dengan si mati bukan bererti meminta daripada si mati tetapi mengharap dari rohnya supaya sama-sama memohon kepada Allah semoga dimakbulkan permintaannya.¹

Dari sini jelas bahawa Ahli Sunnah Perlis membahagikan tawassul kepada dua jenis; iaitu pertama tawassul **masyru'** (yang diharus atau dibolehkan), dan keduanya tawassul yang tidak **masyru'** atau disebut juga tawassul bid'ah dan ditegah oleh syarak.

Pembahagian tawassul sedemikian telah dilakukan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab di sekitar abad lapan belas masih lagi dan oleh pengikut-pengikut beliau selepasnya. Manakala Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya pula menerima konsep tawassul seperti itu dari pendapat dan pandangan Ibn Taimiyyah dan Ibn al-Qaiyyim di sekitar abad kelapan.² Ulama-ulama awal Ahli Sunnah Perlis mengambil cara bertawassul seperti di atas dari tokoh-tokoh yang telah terpengaruh

-
1. Zakaria @ Mahmud Daud, **Tawassul Dan Tabarruk Mengikut Perpektif Islam**, cet. 1, Bahagian Hal Ehwal Islam, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 56.
 2. Telah disebut sebelum ini.

kepada pendapat Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.¹ Mereka / mengharuskan bertawassul dengan roh-roh si mati dan **jah** atau pangkat seseorang seperti yang biasa dilakukan oleh ramai golongan sufi kerana dikatakan dalil yang dipegang oleh golongan sufi tersebut adalah lemah tidak kuat. Tambahan pula mereka tetap menganggap cara tersebut adalah termasuk dalam kategori tawassul bid'ah.²

Oleh kerana Ahli Sunnah Perlis bersikap sedemikian ada setengah musuh mereka yang tidak faham ajaran yang dipegangnya menganggap mereka menolak semua jenis tawassul secara total. Anggapan ini adalah satu anggapan yang salah. Apa yang sebenar mereka hanya menolak tawassul yang bid'ah sahaja. Sikap mereka sedemikian adalah sama dengan Ibn Taimiyyah, dan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab serta pengikut-pengikut mereka.

(e) **Menolak Tasawuf Dan Tarikat**

Ahli Sunnah Perlis dengan tegas menolak semua bentuk dan aliran **tasawuf** dan tarikat yang diamalkan oleh setengah masyarakat Islam dan menganggapnya sebagai

-
1. Akan diterang selepas ini.
 2. Temubual Ustaz Noordin Ismail, pada 8.5.1996.

bid'ah. Mereka berpendapat bahawa di zaman Rasulullah s.a.w. dan di zaman ***salafus al-salleh*** tidak ada sebarang aliran tarikat dan organisasi kerohanian. Bagi mereka untuk membentuk dan mendidik rohani supaya hampirkan kepada Allah dan supaya menjadi orang yang takwa yang kuat beribadat kepadaNya, tidak perlu kepada ***tasawuf*** dan mengikut sesuatu aliran tarikat tertentu seperti tarikat Ahmadiyah, Naksabandiah dan sebagainya, tetapi hanya cukup dengan mengikut cara Rasulullah s.a.w. dan para ***salafus al-salleh*** seperti dengan selalu menunai kewajipan agama, menjauhi maksiat, selalu membaca wirid-wirid dan zikir yang diajar oleh Rasulullah seperti zikir selepas sembahyang, zikir waktu pagi, petang dan malam dan sebagainya yang banyak disebut dalam kitab-kitab hadith termasuk seperti yang disebut oleh Imam al-Nawawi dalam kitab "Al-Azkar"nya dan lain-lain, juga dengan membaca al-Quran, berselawat kepada Rasulullah s.a.w. dengan menunaikan ***Qiyam al-lail***, dengan beristighfar, dengan selalu menunai amalan-amalan sunat, dan mengelak diri dari sifat-sifat tercela dan sebagainya.¹

1. Temubual dengan Ustaz Muhammad Yusoff Amin pada 5.5.1995 dan Ustaz Hj Salleh bin Hj Abdullah pada 9.5.1996.

Tokoh-tokoh Ahli Sunnah Perlis menyebut bahawa tarikat tawassul lahir di sekitar abad keempat hijrah, bukan abad awal Islam. Juga dikatakan tidak ada suruhan daripada Nabi Muhammad s.a.w. supaya umatnya melakukan pembersihan jiwa atau rohani dengan cara tersebut. Tambahan pula apa yang diketahui oleh mereka ada di antara cara berzikir yang dilakukan oleh segolongan ahli tarikat ada unsur-unsur yang boleh dipertikaikan. Kerana ada unsur-unsur pemujaan atau **tagdis** yang berlebih-lebihan kepada Syaikh tarikat. Mereka ini mentaqdiskan ketua-ketua tarikat mereka sampai kepada seolah-olah mereka itu adalah maksum yang semua kata-kata dan perbuatannya mesti dipatuhi.¹

Jadi untuk mengelak dari berlaku kesilapan dan perkara bid'ah dalam beribadat kepada Allah, Ahli Sunnah Perlis tetap menolak tasawuf dan tarikat sedangkan ramai dari kalangan umat Islam di Malaysia yang bukan Ahli Sunnah Perlis mengharus dan menghayati serta mengamalkan tarikat tasawuf sebagai salah satu jalan bagi mendekatkan diri kepada Allah.

Pendapat Ahli Sunnah Perlis ini banyak dikritik oleh umat Islam lain terutama oleh golongan-golongan tarikat sufi. Walau apa pun, kedua-dua pihak mempunyai

1. Temubual dengan Ustaz Hj Salleh bin Hj Abdullah pada 9.5.1996.

hujah-hujah dan pandangan yang tersendiri dan bagi Ahli Sunnah Perlis mereka merasakan pendapat mereka lebih kuat dari pendapat golongan tarikat sufi. Mereka berpegang kepada pendapat dan hujah-hujah yang dibawa oleh Muhammad Ibn al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya juga hujah-hujah yang dibawa oleh Ibn Taimiyyah di samping hujah-hujah akal seperti yang disebut di awal bahagian ini.

Dari sini jelas Ahli Sunnah Perlis menolak **tasawuf** dan pengamalan tarikat sebagai cara untuk membersih rohani, kerana cara itu dikatakan tidak dilaku oleh Rasulullah s.a.w. dan para **salafus al-salleh**. Mereka berkata kalau sekiranya cara seperti di atas disuruh oleh Rasulullah s.a.w. tentulah ada disebut di dalam kitab-kitab hadith yang begitu banyak, tetapi apa yang ada hanya berzikir, beristighfar dan seumpamanya tidak melalui tarikat.

(f) **Memerangi Perkara-perkara Syirik, Khurafat**
 Dan Bid'ah

Satu lagi usaha penting yang dilakukan oleh golongan Ahli Sunnah Perlis ialah memerangi dan menghapus unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah yang banyak dilakukan oleh masyarakat di sana khususnya pada peringkat awal kelahirannya.

Beberapa orang tokoh Ahli Sunnah yang ditemubual oleh penulis menyebut bahawa pada masa dahulu ada banyak kubur yang dikatakan kubur keramat menjadi tumpuan masyarakat Perlis datang memohon dan meminta sesuatu hajat kepadanya, berniat dan bernazar kepadanya, juga melakukan berbagai-bagai unsur syirik dan pemujaan kepadanya. Keramat-keramat tersebut seperti keramat Hj Muhammad Salleh Kampung Padang Pauh, keramat Tok Shaykh Muda, keramat Tok Lebai Salim, kedua-duanya di kampung Mata Air. Keramat Tok Jernih di kampung Bukit Jernih, dan keramat Tok Peduka. Dengan usaha dakwah yang berterusan dari tokoh-tokoh awal Ahli Sunnah Perlis bagi menghapuskan perkara-perkara tersebut, akhirnya unsur-unsur syirik dan kepercayaan karut oleh masyarakat itu dapat dihapuskan dan orang ramai terus meninggalnya.¹

Begitu juga perkara-perkara khurafat seperti pemujaan pantai dengan menyembelih kerbau putih, jamu hantu, jamu tok nenek,² kenduri tolak bala, melenggang perut bagi ibu yang mengandung anak sulung, merenjis

-
1. Temubual dengan Ustaz Hj Salleh bin Hj Abdullah pada 9.5.1996 dan Ustaz Dahlan Mohd Zain pada 7.5.1996.
 2. Jamu Tok nenek ialah mengadakan masakan makanan tertentu kemudian diberi makan kepada roh-roh datok nenek yang telah mati dengan anggapan roh-roh tersebut pulang ke rumah dan memakan makanan yang disediakan. Tembual dengan Ustaz Dahlan Mohd Zain 7.5.1996.

tepung tawar dan menabur beras kunyit kepada kedua-dua pengantin dan sebagainya. Semua ini dapat dihapuskan sedikit demi sedikit.¹

Selain itu perkara-perkara bid'ah yang banyak dilakukan oleh masyarakat seperti talkin mayat selepas dikebumikan, tahlil arwah, tunggu kubur selama tujuh hari, keluarga si mati menyorok di bawah keranda sebanyak tiga kali di hadapan tangga sebelum mayat dibawa ke kubur, membaca *usali* sebelum takbir *al-Ihram* sewaktu hendak sembahyang dan lain-lain lagi dapat dihapuskan ke semuanya. Sedangkan di tempat-tempat lain di Malaysia perkara-perkara tersebut masih wujud dan diikuti oleh ramai masyarakat Islam. Jadi terhapusnya perkara-perkara bid'ah dan seumpamanya di Perlis adalah hasil usaha gigih tokoh-tokoh Ahli Sunnah khususnya oleh tokoh-tokoh awal mereka.

Penduduk Perlis sebelum lahirnya tokoh-tokoh Ahli Sunnah mereka, didapati ramai yang terlibat dengan ketiga-tiga perkara di atas. Mereka tidak menganggap mengunjungi ke tempat-tempat keramat dan meminta sesuatu daripadanya sebagai suatu perkara syirik, bahkan

1. Temubual dengan Ustaz Hj Salleh bin Hj Abdullah dan Ustaz Ramli bin Ahmad pada 9.5.1996.

dianggap dengan melakukan cara seperti itu permintaannya cepat dimakbulkan oleh Allah.

Manakala perkara-perkara khurafat pula dianggap sebagai perkara yang perlu dilakukan, kalau tidak sesuatu bencana atau bala akan menimpa mereka. Umpamanya mereka percaya kalau tidak dilinggang perut ibu yang mengandung anak sulung, dipercayai ibu itu akan susah melahirkan anak, kerana anaknya akan keluar songsang atau sebagainya. Di samping itu perkara-perkara bid'ah dianggap sebagai sebahagian daripada ibadat yang perlu dilakukan oleh setiap orang Islam. Umpamanya tahlil arwah dianggap satu upacara penting untuk si mati memperolehi pahala dan lain-lain lagi.¹

Dengan datangnya tokoh-tokoh awal Ahli Sunnah Perlis, mereka mula memberitahu orang ramai bahawa perkara-pekerja tersebut di atas yang sering dilakukan oleh masyarakat adalah ditegah oleh Islam dan boleh membawa kepada kerosakan akidah atau boleh mencemarkannya.²

-
1. Temubual dengan Ustaz Ramli Ahmad pada 9.5.1996.
 2. *Ibid.*

Nasihat-nasihat yang dilakukan oleh tokoh-tokoh Ahli Sunnah Perlis itu memanglah satu perkara baik dan suatu usaha murni sehingga lama kelamaan perkara-perkara syirik, khurafat dan bid'ah tersebut dapat dihapuskan sampai ke hari ini.

Perkara yang sama dilakukan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab di Najd dalam abad kelapan belas masihi. Beliau mendakwah masyarakat di tempatnya supaya meninggal amalan-amalan syirik, termasuk pemujaan keramat-keramat, perkara-perkara khurafat, kepercayaan-kepercayaan karut dan amalan-amalan bid'ah. Hasil usaha dakwah beliau yang berterusan akhirnya amalan-amalan dan perkara-perkara tersebut dapat dihapuskan.¹

Tokoh-tokoh Ahli Sunnah Perlis yang terpengaruh kepada cara dan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab turut menghapus perkara-perkara tersebut dari akar umbinya sehingga masyarakat umum dapat meninggalkannya,² sedangkan di tempat-tempat lain perkara itu masih dilakukan. Umpamanya di Pulau Besar Melaka masih ada orang ramai mengunjungi keramat-keramat di situ dan bernazar sesuatu juga meminta sesuatu daripadanya.

1. Telah disebut sebelum ini.

2. Akan diterangkan pengaruhnya selepas ini.

(g) **Perkara-perkara Ibadat**

Mengenai perkara ibadat, mereka merujuk kepada al-Quran dan Sunnah juga kepada mana-mana pendapat imam mazhab yang berdalilkan kepada dalil-dalil yang kuat walaupun pendapat itu menyalahi pendapat imam Syafie. Oleh itu dalam perkara ibadat ini didapati ada beberapa perkara yang dilakukan oleh mereka berbeza dari yang dilakukan oleh pengikut bermazhab Syafie. Khususnya mengenai cara menunai sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat, sembahyang terawih dan sebagainya. Mereka membaca *bismillah* perlahan (tidak *jahr*) pada rakaat pertama dan kedua bagi sembahyang maghrib, Isyak, dan Subuh, tidak membaca qunut pada sembahyang Subuh, tidak membaca wirid beramai-ramai selepas sembahyang fardu seperti yang dilakukan oleh ramai umat Islam di tempat-tempat lain di Malaysia, bahkan masing-masing membaca secara persendirian dan berdoapun bersendirian. Untuk sembahyang Jumaat mereka hanya mengadakan bang sekali sahaja dan seumpamanya.¹

Demikianlah beberapa ajaran yang dilakukan dan diamal oleh golongan Ahli Sunnah Perlis yang pada umumnya banyak berbeza dengan yang diamal oleh ramai

1. Temubual dengan tokoh-tokoh Ahli Sunnah Perlis seperti Ustaz Noordin bin Ismail, 8.5.1996, Hj Salleh bin Hj Abdullah pada 9.5.1996.

umat Islam di negeri-negeri lain di Malaysia sama ada mengenai perkara akidah, cara bertawassul, menghapus unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah, hal-hal berhubung dengan cara sembahyang dan lain-lain.

E. HUBUNGAN AJARAN AHLI SUNNAH PERLIS DENGAN
AJARAN MUHAMMAD IBN ABD AL-WAHHAB

Apakah ada hubungan dan persamaan di antara ajaran Ahli Sunnah Perlis dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab atau tidak ada? Hasil kajian yang telah penulis lakukan, didapati kedua-dua aliran itu ada kaitan serta persamaan dalam banyak perkara. Untuk mengetahui sejauhmana adanya hubungan dan kaitan di antara keduanya, penulis mengemukakan beberapa fakta penting, antaranya:

(a) **Melalui Ulama-ulama Saudi Yang Mengajar
Dan Berdakwah Di Perlis**

Sebagaimana yang disebut di awal bahagian ini bahawa sebelum kelahiran gerakan *Islah* atau Ahli Sunnah Perlis di sekitar tahun 1920-an, ramai ulama yang terpengaruh kepada ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab berada di Perlis dan mengembang ajarannya kepada penduduk tempatan. Shaykh Hassan seorang ulama dari Arab Saudi datang ke Perlis dan diterima serta diberi penghormatan oleh beberapa orang ulama tempatan yang ingin kepada perubahan. Mereka mengharap semoga Shaykh Hassan boleh membawa perubahan di sana sama seperti

perubahan yang berlaku di Arab Saudi sebelum itu. Sewaktu di Perlis Shaykh Hassan dibenar mendirikan Sekolah Arab dan mengajar di situ di samping menjalankan tugas dakwah kepada penduduk tempatan.¹

Kemudian setelah diwartakan Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis sebagai aliran pegangan bagi penduduk di sana hasil usaha dari beberapa orang tokoh tempatan masa itu terutama oleh tokoh-tokoh yang dikenali dengan "tiga Mat" iaitu Haji Ahmad bin Muhammad (Haji Ahmad Hakim), Wan Ahmad bin Wan Daud dan Shyakh Ahmad bin Muhammad Hashim,² maka datang lagi seorang tokoh dari Arab Saudi iaitu Tuan guru Haji Ismail bin Haji Muhammad yang dikenali dengan nama Shaykh Nur al-Surur ke Perlis dan menyebarkan konsep Ahli Sunnah. Beliau seorang ulama lepasan dari Pusat Pengajian Tinggi **Dar al-Hadith**, di Madinah. Sewaktu berada di Arab Saudi beliau pernah memegang beberapa jawatan penting dalam bidang pentadbiran di samping mengajar dan berdakwah. Beliau dianggap seorang ulama hadith dan tafsir yang terkenal semasa di Perlis, beliau mengajar di Madrasah al-Falah Mata Air di sekitar tahun 1950-an, dan di beberapa tempat di Perlis.³

-
1. Telah disebut sebelum ini.
 2. Lihat dalam penjelas sebelum ini.
 3. Lihat ulasan sebelum ini.

Dengan kebenaran pihak kerajaan Perlis kepada beliau mengajar dan mengembangkan ajaran agama di sana tentulah buah fikirannya ada persamaan, kalau tidak tentu kerajaan tidak memberi kerjasama dan laluan kepada beliau dalam masa yang agak lama sehingga beliau meninggal dunia di Perlis.

Kedatangan beliau di Perlis di awal perlaksanaan konsep Ahli Sunnah wal Jamaah memberi peluang kepada mereka untuk membantu ulama-ulama tempatan bagi mengembangkan ajaran aliran baru yang mula diperkenalkan.

Apabila kedua-dua ulama besar dari Arab Saudi yang dikatakan telah menerima dan menghayati ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab itu diterima baik dan dihormati oleh ulama-ulama **Islah** Perlis termasuk dibenarkan mengajar dan berdakwah sampai akhir hayatnya, sedangkan waktu itu di Perlis konsep Ahli Sunnah baru dikembangkan, maka dari sini nampaklah kepada kita ada hubungan antara ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dengan Ahli Sunnah Perlis. Di samping itu Haji Ahmad bin Haji Muhammad yang terkenal dengan Haji Ahmad Hakim seorang tokoh awal Ahli Sunnah Perlis pernah belajar di Mekkah dan terpengaruh kepada ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sebagaimana yang telah disebut sebelum ini.

(b) **Melalui Pengaruh Tokoh Islah Dari Timur Tengah (Mesir)**

Tokoh-tokoh awal Ahli Sunnah Perlis, selain daripada terpengaruh kepada tokoh-tokoh Islah dari Saudi seperti yang disebut, mereka juga terpengaruh kepada tokoh-tokoh Islah dari Mesir. Wan Ahmad bin Wan Daud (salah seorang dari tokoh tiga Mat) terpengaruh kepada buah fikiran Shaykh al-Hadi terutama sewaktu Shaykh al-Hadi bergerak cergas di Pulau Pinang.¹ Manakala Shaykh Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh dan Muhammad Rasyid Redha.

Di samping itu Shaykh Abu Bakar al-Ashaari - seorang lagi tokoh besar Ahli Sunnah Perlis - di samping terpengaruh kepada buah fikiran Shaykh al-Hadi beliau juga terpengaruh kepada Muhammad Rasyid Redha dan Muhammad Abduh.²

Ketiga-tiga tokoh Islah Mesir di atas pula terpengaruh kepada buah fikiran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan Ibn Taimiyyah. Ramai penulis menyebut tokoh-tokoh di atas ada terpengaruh kepada Muhammad Ibn Abd

1. Telah disebut sebelum ini.

2. *Ibid.*

al-Wahhab. Umpamanya Syaikh Abd al-Muta'al al-Saidi menyebut bahawa Muhammad Abduh terpengaruh kepada buah fikiran Ibn Taimiyyah di dalam beberapa perkara, antaranya beliau melarang umat Islam dari bertaklid, mengajak mereka supaya memahami Islam mengikut cara *salafu al-Salleh*.¹

Manakala Hafiz Wahhab ada menyebut bahawa dia ada mendengar gurunya Muhammad Abduh sewaktu memberi syarahan di Azhar memuji-muji Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan menggelarkannya sebagai seorang *muslih* (reformasi) Arab.²

Selain itu Ahmad Amin juga menyebut bahawa Muhammad Abduh terpengaruh kepada ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, antara lain beliau berkata:

"Di Mesir apabila Muhammad Abduh meningkat dewasa, beliau dapati ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab telah tersebar di Mesir, lalu dia mengkaji ajaran itu dan didapati sumber asalnya di ambil dari ajaran Rasulullah s.a.w. dan dari ajaran Ibn Taimiyyah."³

1. *Ibid*, hlm. 156.

2. *Ibid.*, hlm. 159.

3. *Ibid.*, hlm. 160, Ahmad Amin, *op.cit.*, hlm. 25.

Selain itu Muhammad Kamal Jum'ah ada menyebut bahawa Muhammad Abduh berpegang kepada dua prinsip penting yang kedua-dua prinsip itu dipegang juga oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Prinsip itu ialah:

1. Memerangi perkara-perkara bid'ah, perkara-perkara salah dan menyeleweng yang dimasukkan ke dalam akidah seperti pelakuan syirik terhadap kubur dan para wali.
2. Membuka pintu ijtihad yang telah ditutup oleh golongan-golongan yang lemah akal fikiran yang terdiri dari kalangan ulama taklid dan dia (Muhammad Ibn Abd al-Wahhab) mengorbankan tenaga untuk mempertahankan kedua prinsip itu.¹

Muhammad Rasyid Redha juga, dikatakan terpengaruh kepada buah fikiran Ibn Taimiyyah dan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Abd al-Muta'al al-Saidi menyebut bahawa Muhammad Rasyid Redha banyak cenderung kepada pendapat Ibn Taimiyyah, kerana itu dia mengambil akidah **salaf** dan

1. Muhammad Kamal Juma'ah, **op.cit.**, hlm. 160.

tidak bersetuju melakukan takwilan sifat-sifat Allah (sifat **Khabariah**) seperti yang dilakukan oleh golongan **Asyairah**, dan beliau meletakkan Ibn Taimiyyah sebagai Imam **Mujaddid** bagi **mujaddid-mujaddid** selepasnya.¹

Selain itu Abd. Rahman Ibn Abd al-Latif cicit kepada Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menyebut bahawa Muhammad Rasyid Redha adalah seorang ulama **salaf** lahir dan batin dan tidak dicampur adukkan akidah **salafnya** dengan unsur falsafah atau dengan (takwilan) **Asyairah**, bahkan dia mengikut jalan ulama-ulama **salaf** terdahulu seperti Imam Ahmad Ibn Hanbal dan lain-lain, juga dia mengikut Shaykh al-Islam Ahmad Ibn Abd Halim Ibn Taimiyyah.²

Apabila Muhsin al-Amin al-Amili seorang ulama Syiah menerbitkan sebuah kitab mencaci dan memburuk-burukkan gerakan **Wahhabi** yang berjodol "**al-Rad 'Ala al-Wahhabiyah**" Muhammad Rasyid Redha menjawab kritikan itu dan membela gerakan **Wahhabi** dan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dengan katanya:

1. *Ibid.*, hlm. 162.

2. Muhammad Kamal Juma'ah, *op.cit.*, hlm. 164.

- (a) Golongan **Wahhabi** memberitahu orang ramai dengan jelas mereka adalah golongan **Muwahhidun** (yang mentauhidkan Allah) dan pembawa bendera tauhid yang jauh dari unsur syirik. Dakwah seperti ini telah dibawa oleh Shaykh al-Islam (Ibn Taimiyyah) sebelumnya.
- (b) Golongan **Wahhabi** tidak pernah mendakwa mereka sahaja golongan **Muwahhidun** dan orang lain musyrik sebagaimana yang dituduh oleh ulama Syiah tersebut dan orang-orang lain lagi. Mereka (golongan **Wahhabi**) tidak pernah mendakwa mereka golongan pengikut mazhab tertentu (mazhab **Wahhabi**) bahkan mereka berkata sama seperti ulama lain iaitu mentauhidkan Allah seperti yang didakwahkan oleh semua para rasul.¹

Dari petikan di atas jelas bahawa tokoh-tokoh awal Ahli Sunnah Perlis seperti Wan Ahmad bin Wan Daud dan Shaykh Abu Bakar al-Ashaari terpengaruh kepada buah fikiran Shaykh al-Hadi. Manakala Shaykh al-Hadi terpengaruh kepada tokoh-tokoh Islam dari Mesir seperti

1. *Ibid.*, hlm. 169.

Jamaluddin al-Afghani, Muhammad 'Abduh, dan Muhammad Rasyid Redha. Ketiga-tiga tokoh ini pula terpengaruh kepada Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan Ibn Taimiyyah.

Tokoh-tokoh di atas membawa pembaharuan dan tajdid. Mengajak masyarakat kepada menghayati Islam yang murni, dan menolak unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah juga memerangi taklid.

Jadi apabila tokoh-tokoh *Islah* atau tokoh-tokoh Ahli Sunnah Perlis terpengaruh kepada Shaykh al-Hadi, Shaykh Tahir Jalaluddin dan lain-lain lagi yang terpengaruh pula kepada buah fikiran Ibn Taimiyyah dan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, maka bolehlah dikatakan bahawa tokoh-tokoh Ahli Sunnah Perlis juga terpengaruh kepada buah fikiran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab secara tidak langsung; atau dengan kata lain mereka terpengaruh kepadanya melalui perantaraan tokoh-tokoh *Islah* dari Mesir.

(c) **Melalui Pengaruh, Tokoh-tokoh Islah Dari
Indonesia Dan India**

Dalam huraian sebelum ini dijelaskan bahawa di antara tokoh-tokoh yang memain peranan penting melahirkan Ahli Sunnah Perlis ialah tokoh-tokoh dari

Indonesia seperti A Hassan Bandung,¹ Hj Abd Ghani, Fakih Syamsuddin dan lain-lain.² A Hassan Bandung sewaktu berada di Surabaya mula terpengaruh kepada fahaman kaum Muda atau *Wahhabi* melalui gurunya Faqih Hashim yang dianggap sesat oleh kaum tua kerana beliau dikatakan menganut fahaman *Wahhabi*.³ Gerakan ala wahhabi di Indonesia mula ditubuh di Sumatera oleh Haji Miskin dan kawan-kawannya pada tahun 1802 setelah pulang dari Mekkah. Gerakan ini dipanggil "Gerakan Paderi".⁴ Kemudian pada tahun 1912 Ahmad Dahlan dari Jawa - setelah pulang dari Mekkah - mengajak orang ramai supaya kembali kepada al-Quran dan Sunnah atau fahaman *salaf* yang diperkenalkan oleh Ibn Taimiyyah dan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Gerakan beliau dipanggil "Gerakan Muhammadiyyah".⁵ Kedua-dua gerakan ini walaupun berlainan tetapi nampaknya mempunyai tujuan yang sama mahu kembali kepada fahaman *salaf*.

-
1. Lihat ulasan di awal kelahiran Ahli Sunnah Perlis yang lepas.
 2. Temubual dengan Hj Salleh bin Hj Abdullah pada 9.5.1996.
 3. Dr. Syafiq A Mughni, *op.cit.*, hlm. 15.
 4. *Ibid.*, hlm. 5.
 5. *Ibid.*, hlm. 6-7.

A Hassan Bandung sewaktu masih kecil semasa berada di Singapura, beliau selalu mendampingi empat orang ulama dari India yang terkenal sebagai mengikuti fahaman **Wahhabi**, mereka itu ialah Talib Rajab Ali, Abdul-Rahman, Jailani dan Ahmad ayahnya. Mereka ini di antara lain menegah bertalkin kepada orang mati, bertahlil arwah, membaca lafaz **usalli** sewaktu hendak bertakbir **al-Ihram** dan lain-lain.¹

. Di India sendiri jika dikaji, didapati memang ramai tokoh **Islah** yang terpengaruh dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab antaranya Sadiq Hassan Khan, Nasir Hussain, Syed Ahmad Barili dan lain-lain lagi dari kalangan ulama hadith. Ada dari mereka ini menolak taklid kepada mana-mana imam mazhab tertentu dan mereka banyak terpengaruh kepada Shaykh Muhammad al-Syaukani dari Yaman, kepada kitab-kitab dan buah fikiran Ibn Taimiyyah, kepada buah fikiran Shaykh Waliyullah al-Dahlawi dan buah fikiran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab yang sedang tersebar waktu itu.²

Kalau melihat kepada keadaan di atas jelaslah bahawa tokoh-tokoh ulama Ahli Sunnah Perlis yang terpengaruh kepada buah fikiran A Hassan Bandung dari

1. *Ibid.*, hlm. 19.

2. Muhammad Kamal Juma'ah, *op.cit.*, hlm. 194-195.

Indonesia dan kepada tokoh-tokoh lain dari India, didapati tokoh-tokoh tersebut ada kaitan dan hubungannya dengan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Sebab itu didapati kedua-dua gerakan Ahli Sunnah Perlis dan gerakan **Salafiah** atau **Wahhabi** ada banyak persamaan dalam banyak perkara.

Kalau dilihat kepada apa yang dilaku dan dihayati oleh Ahli Sunnah Perlis sama ada dalam cara melakukan ibadat seperti cara sembahyang, membaca wirid selepasnya, atau dalam perkara berkaitan dengan urusan kematian dan jenazah¹ juga hal-hal mengenai penentangan terhadap unsur-unsur syirik, perkara-perkara khurafat dan bid'ah² di dapati pada umumnya mereka mencontohi dan melaku sama seperti yang dilakukan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Oleh itu bolehlah dibuat kesimpulan bahawa buah fikiran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dapat mempengaruhi Ahli Sunnah Perlis dengan melalui tokoh-tokoh dari Indonesia dan India juga tokoh-tokoh dari Saudi sendiri.

-
1. Akan disebut selepas ini.
 2. Telah dijelaskan sebelum ini.

(d) Ada Persamaan Dalam Ajaran Tauhid

Kalau dilihat kepada ajaran tauhid yang dibawa oleh Ahli Sunnah Perlis didapati ada persamaan dengan tauhid yang diajar oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab khususnya mengenai pembahagian tauhid kepada tiga jenis; tauhid *Rububiyyah*, *Uluhiyyah* dan *Asma'* dan *Sifat* juga mengisbatkan sifat-sifat *Khabariah* kepada Allah sebagaimana diisbatkan oleh Allah dan RasulNya seperti sifat *Yad* (tangan), *Wajd* (muka), *Nuzul* (turun), *Istiwa'* di atas *Arasy* dan yang seumpamanya. Mereka mengisbatkan kepada Allah sama seperti akidah pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengisbatkannya tanpa *ditakwil* kepada erti lain (erti *majazi*) dan tanpa *ditasybih*, tanpa *ditamthilkan*.¹ Ini sesuai dengan firman Allah:²

لَيْسَ كَمُثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Ertinya:

Tidak ada sesuatu yang menyerupai Allah dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

-
1. Temubual dengan beberapa tokoh Ahli Sunnah Perlis seperti Ustaz Noordin bin Ismail, pada 8.5.96, Hj. Salleh bin Hj. Abdullah pada 9.5.96. dan telah disebut sebelum ini.
 2. Surah al-Syura, ayat 11.

Mereka tidak mentakwil sifat-sifat tersebut seperti yang ditakwilkan oleh golongan **Astyairah** bahkan diisbatkan sama seperti yang diisbatkan oleh ulama-ulama **salafus al-salleh**.¹

Apabila sifat **Istiwa'** mereka isbatkan sesuai dengan kelayakan Allah tanpa diserupai dan ditasybihkan, maka sifat-sifat **Khabariah** yang lain lagi mereka isbatkan juga kepada Allah sesuai dengan kelayakanNya yang tidak menyerupai sedikitpun dengan sebarang makhluk.

Kerana sikap golongan Ahli Sunnah Perlis yang sedemikian mengenai sifat-sifat Allah, didapati ramai masyarakat Malaysia memandang negatif kepada mereka dan dituduhnya sebagai golongan **Wahhabi** yang sesat dan dianggap mereka mentasybihkan Allah dengan makhluk. Hal demikian pernah disebut sendiri oleh Ustaz Abd Razak - salah seorang ulama golongan Ahli Sunnah Perlis. Beliau berkata Akidah **salaf** yang cuba diterapkan dalam masyarakat di sana dipandang negatif oleh orang ramai sehingga ditohmah dan dituduh mereka sebagai golongan

1. Temubual dengan Ustaz Ahmad Yusoff Amin pada 5.5.1995.

Selain itu jika dilihat kepada kitab-kitab tauhid yang dijadikan bahan rujukan dalam pengajian mereka didapati sama dengan kitab-kitab rujukan ulama-ulama pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.²

Kemudian jika diperhatikan kepada cara pengajian sifat-sifat Allah - selain dari apa yang disebut di atas -.didapati Ahli Sunnah Perlis dan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab serta pengikutnya adalah sama, mereka tidak mempelajari sifat dua puluh, atau dengan kata lain mereka tidak menghadkan sifat Allah yang wajib dipelajari dan diimani hanya dua puluh sifat sahaja, bahkan semua sifat Allah yang disebut dalam al-Quran dan Sunnah diyakini dan diimaninya seperti sifat *Ghadab*, *Nuzul*, *Yad* dan sebagainya. Mereka juga tidak membahagikan sifat Allah kepada *Nafsiyyah*, *Ma'naviyyah*, *Ma'ani* dan seumpamanya.

1. Telah disebut sebelum ini.

2. Temubual dengan Ustaz Abd Wahhab bin Abdullah pada 8.6.1996, Ustaz Hj Salleh bin Hj Abdullah pada 9.5.1996 dan telah disebut sebelum ini.

Dari sini jelaslah bahawa di antara ajaran Ahli Sunnah Perlis ada persamaan dan hubungan dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengenai tauhid dan sifat-sifat Allah. Kedua-duanya menghayati ajaran tauhid **salaf** dan menolak tauhid **Asyairah**, serta mereka tidak mentakwil sifat-sifat **Khabariah** atau ayat-ayat dan hadith yang **mutasyabihat** sepetimana yang ditakwilkan oleh golongan Asyairah dan dipercayai oleh ramai umat Islam di Nusantara masa kini.

(e) **Persamaan Mengenai Cara Bertawassul**

Perkara lain yang ada persamaan antara ajaran Ahli Sunnah Perlis dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ialah cara **bertawassul** yang diharus dan ditegah. Ahli Sunnah Perlis mengatakan **tawassul** yang diharuskan atau dibenarkan ialah; pertama **tawassul** dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah, kedua, tawassul dengan perantaraan amalan-amalan salleh yang telah dilakukan, dengan iman kepada Allah dan RasulNya seperti yang dilakukan oleh tiga orang umat terdahulu yang terperangkap di dalam gua. Lepas masing-masing bertawassul dengan amalan-amalan salleh yang dikerjakan, batu besar yang menutupi pintu gua pun terbuka dan mereka bertiga dapat keluar dengan selamatnya.¹

1. Cerita ini telah disebut dalam bahagian ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sebelum ini.

Tawassul ketiga yang dibolehkan oleh Ahli Sunnah Perlis ialah dengan meminta dari orang salleh yang masih hidup supaya tolong berdoa kepada Allah semoga Allah memperkenankan permohonannya.¹

Bagi Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ketiga-tiga jenis **tawassul** di atas memang diharuskan dan dipanggil **tawassul masyru'** (yang disyariatkan).²

. Manakala **tawassul** lain yang tidak dibolehkan seperti **tawassul** dengan roh-roh para wali yang telah mati, dengan *jah* dan hak atau kelebihan seseorang. Semuanya itu tidak diterima bahkan ditolak oleh Ahli Sunnah Perlis kerana dianggap **tawassul** bid'ah dan tidak dilakukan oleh **salafus al-salleh**.³ Ini sama dengan pendapat Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan Ibn Taimiyyah kerana **tawassul-tawassul** tersebut dianggap **tawassul** yang tidak disyariatkan bahkan dipanggil **tawassul bid'ah**.⁴

-
1. Temubual dengan Ustaz Noordin Ismail pada 8.5.1996 dan dengan Ustaz Dahlan bin Mohd Zain pada 7.5.1996.
 2. Lihat pandangan beliau dalam bab terdahulu.
 3. Temubual dengan Ustaz Dahlan bin Mohd Zain pada 7.5.1996, dan telah disebut sebelum ini.
 4. Lihat pandangannya dalam bab terdahulu.

Dari sini jelaslah bahawa mengenai **bertawassul** didapati pendapat dan sikap Ahli Sunnah Perlis sama dengan pendapat Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Dalil-dalil dan hujah-hujah yang dibawa oleh Ibn Taimiyyah dan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab diterima pakai oleh golongan Ahli Sunnah Perlis.

(f) **Tentangan Terhadap Perkara Syirik,
Khurafat Dan Bid'ah**

Satu lagi perkara yang boleh membuktikan adanya hubungan dan persamaan di antara ajaran Ahli Sunnah Perlis dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ialah kedua-duanya menentang dan menghapus amalan-amalan syirik, khurafat dan bid'ah yang banyak dilakukan oleh masyarakat di tempat masing-masing. Di Perlis - sebagaimana yang disebut di atas - Ahli Sunnah dapat menghapus beberapa tempat keramat yang menjadi tumpuan orang ramai untuk datang memohon sesuatu daripadanya seperti keramat Hj. Muhammad Salleh, keramat Tok Shaykh Muda, keramat Tok Lebai Salim, keramat Tok Jernih dan lain-lain.

Begitu juga perkara-perkara khurafat seperti pemujaan pantai dengan menyembelih kerbau putih, jamu hantu, jamu arwah tok nenek, kenduri tolak bala, menlenggang perut bagi ibu yang baru mengandung anak

sulung dan merenjis tepong tawar dan menabur beras kunyit kepada pengantin lelaki dan perempuan dan sebagainya dapat dihapuskan.¹

Selain itu perkara bid'ah yang banyak dilakukan oleh orang ramai seperti bertalkin untuk orang mati, tahlil arwah, tunggu kubur dan sebagainya juga dapat dihapuskan sedikit demi sedikit hasil usaha dakwah tokoh-tokoh Ahli Sunnah mereka.²

.

Manakala Muhammad Ibn Abd al-Wahhab - sebagaimana yang disebut sebelum ini - beliau mengajak orang ramai supaya kembali kepada tauhid yang murni dan sekaligus mengelak dari melakukan perkara-perkara syirik yang boleh merosakkan akidah dan iman seseorang, manakala perkara-perkara khurafat dan bid'ah pula boleh membawa kepada kesesatan dan penyelewengan akidah. Oleh itu apabila beliau berkuasa di Uyainah, beliau menebang pokok-pokok yang dianggap keramat dan meruntuh **kubbah** binaah di kubur sahabat nabi dan menghapus perkara-perkara khurafat dan bid'ah yang lain.³

-
1. Temubual dengan Ustaz Hj Salleh bin Hj Abdullah pada 9.5.1996.
 2. Telah disebut sebelum ini.
 3. Telah disebut dalam bab I yang lepas.

Dari ulasan-ulasan di atas jelaslah bahawa kedua-

dua golongan Ahli Sunnah Perlis dan pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ada persamaan dalam menentang perkara-perkara syirik, khurafat dan bid'ah yang banyak berlaku di tempat masing-masing dengan memberi penjelasan dan dakwah yang berterusan kepada orang ramai sehingga mereka yang terlibat sedar dan insaf dan akhirnya meninggal perkara-perkara tersebut sedikit demi sedikit.

(g) **Mengenai Perkara Ibadat**

Di samping perkara-perkara yang disebut di atas ada lagi perkara-perkara lain yang boleh dijadikan bukti adanya persamaan antara kedua-dua ajaran Ahli Sunnah Perlis dan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab iaitu mengenai cara menunai ibadat seperti sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat, **Kaifiyat** atau cara sembahyang tarawih dan seumpamanya. Kedua-dua golongan tidak menyaringkan bacaan **basmalah** (tidak *Jahr*) pada rakaat pertama dan kedua pada sembahyang Maghrib, Isyak dan Subuh, tidak seperti yang diamal oleh pengikut-pengikut Syafie di tempat lain di Malaysia. Ini kerana mereka mengatakan hadith yang menyuruh membaca perlahan (tidak nyaring) lebih kuat dan Rasulullah s.a.w. sendiri selalu tidak menyaringkan di akhir-akhir hayatnya sehinggalah baginda wafat.¹

1. Temubual Ustaz Noordin bin Ismail pada 8.5.1996.

Kedua-dua pengikut golongan di atas juga tidak membaca qunut sewaktu sembahyang Subuh kecuali jika berlaku sesuatu bala, maka mereka membaca qunut *Najilah*.¹

Selain itu pada masa membaca selawat kepada nabi Muhammad s.a.w. dan nabi Ibrahim a.s. dalam bacaan tasyiat, kedua-dua golongan tidak membaca lafaz "*Saiyidina*", kerana dalam tasyiat yang dibaca oleh Rāsulullah s.a.w. - seperti yang disebut oleh hadith - tidak ada menyebut perkataan "*Saiyidina*".²

Manakala cara membaca wirid selepas sembahyang di dapati pengikut-pengikut Ahli Sunnah Perlis tidak membaca kuat beramai-ramai seperti yang biasa dilakukan oleh ramai orang Islam di tempat lain di Malaysia. Wirid-wirid yang dibaca pun tidak sepanjang yang biasa kita lakukan. Apabila berdoa, mereka berdoa secara persendirian. Hal sedemikian itu sama seperti yang dilakukan oleh pengikut-pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.³

1. *Ibid.*

2. *Ibid.*

3. Pengamatan penulis sewaktu belajar di Riyadh tahun 1979-19981 dan waktu tunai haji 1990.

Selain itu ada lagi perkara ibadat yang ada persamaan di antara yang dilakukan oleh Ahli Sunnah Perlis dan pengikut-pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab iaitu mengenai cara bacaan selingan semasa sembahyang tarawih selepas selesai setiap dua rakaat atau rehat di antara satu sembahyang dengan sembahyang yang lain.

فضلا من الله ونعمته " مereka tidak membaca sebutan " سبحان الملك المعبود " dan tidak membaca " سبحان الملك المعبود " juga tidak berselawt beramai-ramai dengan kuat sama ada sekali atau tiga kali selepasnya. Bagi mereka apabila selesai memberi salam sembahyang pertama, terus bangun menyambung menunai sembahyang yang kedua, ketiga dan seterusnya sehingga selesai. Lepas itu diikuti dengan menunai sembahyang witir.¹ Ini berbeza dengan apa yang selalu dilakukan oleh ramai umat Islam lain di seluruh Malaysia dan di Nusantara. Perkara sedemikian dilakukan juga oleh pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan gerakan Salaf.² Adapun mengenai bilangan rakaat tarawih kedua-dua golongan didapati tidak sama. Bagi golongan

-
1. Temubual dengan ramai tokoh Ahli Sunnah Perlis seperti Ustaz Noordin Ismail pada 8.5.1996, Ustaz Hj Salleh Hj Abdullah pada 9.5.1996.
 2. Pengamatan penulis sewaktu melakukan sembahyang taraweh di Masjid al-Haram tahun 1990 yang lepas.

Ahli Sunnah Perlis mereka rata-rata menunai sembahyang teraweh sebanyak lapan rakaat sahaja. Manakala pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menunaikan dua puluh rakaat¹ dan ada juga yang menunai lapan rakaat sahaja.

Selain itu pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab selalu menyebut bahawa mereka - mengikut mazhab Hanbali. Sedangkan Ahli Sunnah Perlis tidak terikat kepada mana-mana mazhab.

Dari ulasan di atas jelaslah bahawa dalam perkara ibadat sembahyang seperti bacaan perlu **basmalah** bagi rakaat pertama dan kedua pada sembahyang Maghrib, Isyak dan Subuh, tidak membaca qunut dalam sembahyang Subuh, tidak membaca "**Saiyidina**" sewaktu berselawat di waktu membaca tasyiat dan lain lagi, ada persamaan di antara yang dilakukan oleh Ahli Sunnah Perlis dengan yang dilakukan oleh pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.

(h) **Perkara Mengenai Urusan Kematian**

Selain daripada perkara urusan ibadat, perkara-perkara mengenai urusan kematian juga ada banyak persamaan di antara pendapat Ahli Sunnah Perlis dengan

-
1. Seperti yang dilakukan di Masjid al-Haram yang disiar melalui televisyen Malaysia tiap-tiap tahun.

ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Apabila berlaku sesuatu kematian kedua-dua golongan tidak mengadakan tahlil arwah, kenduri tujuh hari, kenduri empat puluh dan seumpamanya, juga tidak ada tunggu kubur sama ada selama tiga hari atau tujuh hari. Kedua-dua golongan menganggap perkara-perkara di atas adalah perkara-perkara bid'ah yang tidak ada dalil yang sah daripada nabi s.a.w.¹

Ahli Sunnah Perlis dan pengikut Muhammad juga tidak membuat dan meletak binaan batu berlindung di kubur dan tidak mendiri wakaf kecil atau **kubbah** di atasnya, tidak seperti yang ada pada setengah kubur di tempat-tempat lain, ini kerana ada hadith yang melarangnya seperti hadith yang diriwayat oleh Jabir katanya:²

كُنْتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَصْصُصَ الْقَبْرَ وَأَنْ يَقْعُدَ عَلَيْهِ وَأَنْ يَبْنَى عَلَيْهِ

Ertinya:

Rasulullah s.a.w. melarang **mentajsikan** kubur, melarang duduk di atasnya dan membuat binaan di atasnya.

-
1. Temubual dengan Ustaz Noordin Ismail pada 8.5.1996 dan pengamatan penulis sewaktu berada di Riyadh pada tahun 1979-1981.
 2. Al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, jid. 1, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.t., hlm. 554.

Kalau dilihat kubur-kubur Ahli Sunnah Perlis didapati tidak ada binaan **kubbah** atau wakaf kecil di atasnya dan tidak ada binaan batu berlindang. Yang ada hanya dua batu nesan di kepala dan di kaki mayat sahaja.¹ Walaupun begitu pada satu dua kubur penulis dapati ada dibina wakaf kecil di atas satu dua kubur orang tertentu. Apabila penulis kemuka soalan mengenai perkara ini kepada tokoh-tokoh Ahli Sunnah Perlis, mereka menjawab bahawa binaan wakaf kecil atau **kubbah** itu sebenarnya dibuat oleh keluarga si mati yang bukan anak tempatan Perlis, mereka adalah orang luar yang bekerja dan menetap di Perlis, mereka masih terpengaruh kepada kebiasaan di tempat atau negeri mereka, kalau anak tempatan yang menghayati ajaran Ahli Sunnah mereka tidak membuatnya.²

Perkara yang seperti di atas dilakukan oleh pengikut-pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab di Arab Saudi. Jika dilihat kepada kubur-kubur mereka sama ada di Mekkah, Madinah dan lain-lain tidak ada binaan kubbah

-
1. Dari pengamatan penulis di beberapa buah kubur di sekitar Kangar dan Utara Perlis.
 2. Temubual dengan Ustaz Noordin bin Ismail pada 8.5.1996 dan Ustaz Hj Salleh Hj Abdullah pada 9.5.1996.

dan wakaf, juga batu berlindang di atasnya. Yang ada dirubuh dan dibuangnya kecuali kubah di kubur nabi sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini.¹

Sebagai kesimpulan bolehlah dikatakan bahawa ada banyak perkara yang ada persamaan di antara ajaran Ahli Sunnah Perlis dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sama ada dalam perkara akidah, Fekah dan penentangan terhadap unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah. Ini merupakan sebagai bahan bukti wujudnya hubungan dan pengaruh ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab kepada Ahli Sunnah Perlis. Tambahan pula jika dilihat kepada tokoh-tokoh pengasas Ahli Sunnah Perlis mereka banyak terpengaruh kepada tokoh-tokoh luar negeri yang telah banyak terpengaruh kepada buah fikiran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan Ibn Taimiyyah. Shaykh Hassan dari Arab Saudi yang telah terpengaruh kepada ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, sewaktu datang ke Perlis di awal-awal kelahiran Ahli Sunnah Perlis diberi peluang yang luas kepadanya untuk menyebar ajarannya di sana. Di samping itu seorang tokoh tiga Mat iaitu Haji Ahmad bin Haji Muhammad yang telah terpengaruh kepada ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sewaktu belajar di Mekah turut

1. Dari pengamatan penulis sewaktu belajar di sana pada tahun 1979-1982 dan sewaktu menunai haji tahun 1990.

menyebarluaskan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab bersama kawan-kawannya di awal kelahiran Ahli Sunnah Perlis. Kemudian ajaran itu disambung oleh pengikut-pengikut mereka selepas itu sehingga dikanunkan dalam perlembagaan negeri Perlis.¹ Dari sini jelaslah bahawa Ahli Sunnah Perlis ada terpengaruh kepada ajaran dan buah fikiran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.

1. Telah dijelas sebelum ini.